



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.06 | SUBUH 5.16 | SYURUK 6.35 | DUHA 6.58 | ZUHUR 12.35 | ASAR 3.54 | MAGHRIB 6.34 | ISYAK 7.44 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 21

17 FEBRUARI 2025 / 1446 شعبان 18

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

DOA KESYUKURAN SEMPENA PUJA USIA DPMM

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUNGKU LINK, Ahad, 16 Februari. - Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UBD, Pro-Canselor UNISSA dan Pro-Canselor UTB yang Ke-51 tahun. Majlis berlangsung di Masjid UBD, di sini. Hadir pada majlis berkenaan, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh. Juga hadir ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle; Rektor UNISSA, Dr.

Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal; Pemangku Naib Canselor UTB, Dr Mohamad Saiful bin Haji Omar; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan; pegawai - pegawai kanan, pensyarah - pensyarah dan kakitangan serta para mahasiswa dan mahasiswi ketiga-tiga universiti berkenaan.

>> Muka 9

Dewan Serbaguna PESATU dirasmikan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menandatangani papan tanda perasmian bagi menyempurnakan perasmian Dewan Serbaguna Persatuan Saudara-Saudara Baru Daerah Tutong (PESATU).

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman

TUTONG, Sabtu, 15 Februari. - Persatuan Saudara-Saudara Baru Daerah Tutong (PESATU) kini mempunyai sebuah Dewan Serbaguna yang baharu terletak di Kampung Tanjung Panjang, Mukim Tanjung Maya, Daerah Tutong.

Sehubungan dengan itu, Majlis Perasmian Dewan Serbaguna PESATU tersebut diadakan pagi tadi dan dikendalikan oleh Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf) dengan kerjasama Unit Da'wah Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman yang juga menyempurnakan perasmian Dewan Serbaguna PESATU dengan menandatangani papan tanda perasmian.

>> Muka 4

Majlis Tahlil, Doa Arwah Kampung Putat

Oleh : Nooratini Haji Abas

PUTAT, Ahad, 16 Februari. - Majlis Perundingan Mukim (MPK) Putat dan Takmir Masjid Kampung Putat pagi tadi mengadakan Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung Kali Ke-32 Kampung Putat bertempat di Masjid Kampung Putat.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis,

Menyeri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai dipimpin oleh Bilal Masjid, Awang Afendi bin Haji Taha dan diikuti dengan ucapan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang

Zainol bin Haji Mohammad juga selaku Ketua Kampung Putat, selaku Penggerusi Majlis.

Acara juga diseluruhkan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim berupa barang-barang asasi, Sijil Akuant Tamat Kelas Al-Quran dan Muqaddam, Penerima Khas dan cenderahati kepada penceramah undangan.

>> Muka 4

Bendera besar berkibar megah di ibu negara

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Februari. - Bendera besar berkibar selamat dinaikkan di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di ibu negara hari ini menandakan bermulanya Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025.

Hadir selaku tetamu kehormat pada upacara tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Penggerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha - setiausaha Tetap, Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai daerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 serta ahli-ahli jawatankuasa lain.

>> Muka 5

MANISNYA IMAN

"DAN jika kamu menghitung nikmat Allah tentulah kamu tidak terkira banyaknya".
- Firman Allah Subhanahu Wata'alá dalam Surah Ibrahim, ayat 34.



Berita Utama



KSSUP agihkan kurma kurnia

Muka 10



BRUNEI Coffee Trail ketengahkan jenama kopi terbaik NBD

Muka 12



TIMBA ilmu, pelajari amalan di bulan Ramadan

Muka 16



RENCANA
PENGURNIAAN kurma peribadi
Kebawah DYMM bukti sifat
pemedulian, tanda kasih
baginda kepada rakyat

Muka 21



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Dato Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa berucap pada Perasmian Pameran dan Persidangan Teknologi Petroleum (PTEC) Brunei 2025 pada Isnin, 10 Februari 2025 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wassalamu Wassalamu 'Ala Asyraf Anbiyaie Wal Mursalin,
Saidina Muhammadin,
Wa'alai Alihi Wasahbihi Ajma'in

IA adalah satu penghormatan dan keistimewaan yang besar untuk

Pacu inovasi, kecekapan, kemampuan industri hidrokarbon berdaya saing

mengalu-alukan kehadiran awda ke Pameran dan Persidangan Teknologi Petroleum Brunei - PTEC 2025 hari ini.

Acara ini, yang pertama seumpamanya di Negara Brunei Darussalam (NBD), adalah penting semasa kita mengharungi landskap tenaga yang semakin berkembang. Kehadiran tetamu kehormat kita pada hari ini adalah bukti pentingnya acara ini.

Hidrokarbon telah lama menjadi kepentingan dalam memacu pertumbuhan perindustrian dan kemajuan masyarakat, berfungsi sebagai sumber tenaga utama dan kekal penting untuk memenuhi permintaan tenaga global yang semakin meningkat.

Sejak penemuan minyak di NBD lebih 100 tahun dahulu, industri hidrokarbon menjadi tulang belakang ekonomi negara, membentuk pembangunan negara kita dan menyokong kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dari semasa ke semasa.

Hari ini, ia kekal sebagai penyumbang tunggal terbesar kepada KDNK kita, memastikan keselamatan tenaga sambil terus memacu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi.

Sebagai sebuah negara, mendapatkan bekalan tenaga yang boleh dipercayai, berdaya saing dan mampan adalah penting bukan sahaja dalam menjaga kemakmuran jangka panjang tetapi juga dalam membina ekonomi yang berdaya tahan dan berkembang maju.

Walau bagaimanapun, dalam dunia yang menghadapi cabaran mendesak terhadap perubahan iklim, NBD mengiktiraf bahawa industri hidrokarbon memlikul tanggungjawab yang lebih besar untuk mencapai keseimbangan yang baik antara keselamatan tenaga, kemakmuran ekonomi dan kemampuan alam sekitar.

Dalam hal ini, memanfaatkan teknologi

dan pendigitalan menjadi lebih penting berbanding sebelum ini. Inovasi akan menjadi kunci untuk meningkatkan kecekapan operasi, meminimumkan kesan alam sekitar dan mengekalkan daya saing semasa kita beralih ke masa depan yang lebih mampu.

Adalah tepat pada masanya dan kritikal apabila perasmian PTEC ini menerima pakai tema, 'Inovasi untuk Kecekapan dan Kemampuan dalam Industri Hidrokarbon', menonjolkan keperluan mendesak untuk mengimbangi kecekapan operasi, kemampuan dan daya saing.

Melalui kerjasama, inovasi dan daya tahan, kita boleh mengatasi cabaran ini dan memastikan kemajuan yang mantap ke arah masa depan tenaga yang selamat dan mampu, sejajar dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Saya amat berbesar hati untuk menyatakan bahawa acara ini telah menarik minat yang ketara, bukan sahaja daripada peserta tempatan tetapi juga pakar dan pihak berkepentingan di seluruh dunia.

Dengan gabungan pelbagai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran di sini, saya yakin acara ini akan berjaya memenuhi objektifnya dalam beberapa hari akan datang.

Pada ketika ini, saya ingin menekankan kepentingan tindakan yang kita ambil di sini, berpotensi meninggalkan kesan yang berkekalan bukan sahaja untuk NBD, tetapi untuk industri hidrokarbon serantau dan global secara keseluruhan.

Bersama-sama, kita boleh memacu inovasi, kecekapan dan kemampuan, memastikan industri hidrokarbon kekal berdaya tahan dan berdaya saing di tengah-tengah dunia yang pesat berubah, sambil mengesahkan keseimbangan yang

betul dalam mencapai keselamatan tenaga, kemakmuran ekonomi dan kemampuan alam sekitar sebagai daya gerak utama.

Saya tidak sabar-sabar untuk menemui pelbagai peluang dan faedah yang ditawarkan oleh platform ini, termasuk pameran inovatif yang memperkenalkan penyelesaian termaju dari seluruh dunia, peluang untuk menjalin hubungan dan kerjasama strategik, dan penciptaan penyelesaian praktikal yang bertujuan untuk membentuk masa depan yang mampu dan cekap untuk industri hidrokarbon.

Saya pasti perhimpunan ini akan menjadi pemangkin kepada perbincangan yang berkesan dan kemajuan yang bermakna.

Dengan kehadiran awda yang dihormati hari ini, saya dengan sukacitanya mengumumkan bahawa Pihak Berkusa Petroleum NBD akan melancarkan Shallow Water Licensing Round, dan kami mengalu-alukan penyertaan daripada pemain industri tempatan dan antarabangsa.

Dengan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim* (dengan nama Allah, Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang) dan dengan Tawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala, saya dengan ini merasmikan 'Pameran dan Persidangan Teknologi Petroleum Brunei 2025'.

Semoga PTEC 2025 menjadi kejayaan yang memberangsangkan, dan semoga pengetahuan serta perkongsian yang dipupuk di sini membawa kepada masa depan yang lebih cerah dan mampu untuk semua, InsyaAllah.

Wabillahit Taufik
Wassalamualaikum
Wabarakatuh.

Walhidayah
Warahmatullahi

WAKTU SEMBAHYANG

| FEBRUARI MASIHI | HARI | SYAABAN HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|--------------------|--------|-------------------|-------|-------|--------|------|-------|------|---------|-------|
| 17 | ISNIN | 18 | 5.06 | 5.16 | 6.35 | 6.58 | 12.35 | 3.54 | 6.34 | 7.44 |
| 18 | SELASA | 19 | 5.06 | 5.16 | 6.35 | 6.57 | 12.35 | 3.54 | 6.34 | 7.44 |
| 19 | RABU | 20 | 5.06 | 5.16 | 6.35 | 6.57 | 12.35 | 3.54 | 6.34 | 7.44 |
| 20 | KHAMIS | 21 | 5.06 | 5.16 | 6.34 | 6.57 | 12.35 | 3.53 | 6.34 | 7.44 |
| 21 | JUMAAT | 22 | 5.06 | 5.16 | 6.34 | 6.57 | 12.35 | 3.53 | 6.34 | 7.44 |
| 22 | SABTU | 23 | 5.06 | 5.16 | 6.34 | 6.56 | 12.35 | 3.53 | 6.34 | 7.44 |
| 23 | AHAD | 24 | 5.06 | 5.16 | 6.34 | 6.56 | 12.35 | 3.52 | 6.34 | 7.43 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

| ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---------|---------|
| Bandar Seri Begawan | | |
| 31 °C | 31 °C | 31 °C |
| 25 °C | 25 °C | 25 °C |
| Pejabat | Pejabat | Pejabat |
| 31 °C | 31 °C | 31 °C |
| 25 °C | 24 °C | 25 °C |
| Pejabat | Pejabat | Pejabat |
| 31 °C | 31 °C | 31 °C |
| 25 °C | 24 °C | 25 °C |
| Kuala Belait | | |
| 31 °C | 31 °C | 31 °C |
| 25 °C | 24 °C | 25 °C |
| Wallauhala Bissawab | | |
| Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi | | |

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

17 FEBRUARI 2025

Pentingkan kebersihan demi kesejahteraan hidup

KEBERSIHAN merupakan elemen yang sangat penting dalam kehidupan manusia. Aspek kebersihan ada perkara yang mustahak dan ia dianggap sebagai sebahagian daripada iman.

Dalam Islam, sembahyang adalah ibadah utama yang memerlukan seseorang tu dalam keadaan suci dan bersih iaitu dengan melakukan wuduk yang merupakan salah satu cara untuk menjaga kebersihan diri sebelum mengerjakan sembahyang.

Islam menekankan kebersihan bukan hanya ketika beribadah tetapi juga dalam kehidupan sehari-hari, seperti menjaga kebersihan rumah, makanan, pakaian, dan badan.

Dengan suasana dan persekitaran yang bersih, kesejahteraan hidup seseorang itu akan terjamin kerana persekitaran yang kotor mampu mengundang pelbagai penyakit yang sudah setentunya memberi kemudaratkan kepada kehidupan seseorang.

Persekitaran yang kotor bukan sahaja memberi impak negatif terhadap kesihatan dan keselamatan individu, tetapi juga terhadap sosial dan ekonomi masyarakat. Oleh itu, penting bagi kita untuk menjaga kebersihan persekitaran demi kesejahteraan bersama.

Dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini juga menekankan kepentingan menjaga kebersihan kerana menurut Islam, kebersihan ini bukan sekadar menjadi budaya dalam kehidupan dan kemajuan tetapi ia adalah lambang keimanan dan kesempurnaan dalam melaksanakan ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang mana sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala amat suka orang yang sentiasa dalam keadaan bersih.

Turut ditekankan juga ialah terdapat segelintir masyarakat yang belum benar-benar menghayati tuntutan menjaga kebersihan sama ada kebersihan diri atau kebersihan tempat atau persekitaran yang mana membuang sampah di tempat yang tidak sepatutnya adalah perbuatan yang dilarang dan mencerminkan sikap tidak bertanggungjawab.

Oleh itu, marilah kita mananai tanggungjawab menjaga kebersihan di persekitaran kita dan didiklah anak-anak sedari kecil lagi untuk meniti beratkan aspek kebersihan agar kesejahteraan persekitaran terus terjaga dan terjamin.

Jadikanlah kebersihan ini sebagai budaya dan amalan kehidupan sehari-hari. Sesungguhnya memelihara kebersihan ini boleh mendatangkan pahala dan menjadikan sah atau diterima ibadahnya oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Secara keseluruhan, menjaga kebersihan memberi banyak manfaat, bukan hanya untuk diri kita tetapi juga untuk orang lain dan alam sekitar. Ia adalah tanggungjawab bersama untuk memastikan kehidupan yang lebih sihat, selamat, dan harmoni.

- Ketua Penyuntingan (Kr)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرين بحد، نکارابونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

SETIAP IBADAH YANG DIPERINTAHKAN MILIKI MTLAMAT, HIKMAH



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menghadiri Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-173.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Februari. - Setiap ibadah yang Allah Subhanahu Wata'ala perintahkan kepada hamba-Nya sudah tentu memiliki matlamat dan hikmah besar jika dilaksanakan.

Termauklah ibadah puasa, ia bertujuan untuk menjadikan seorang hamba itu mencapai kedudukan takwa sebagai iman yang Allah Subhanahu Wata'ala janjikan di dalam Al-Quran.

Menurut ulama, bulan Rejab merupakan bulan untuk bercucuk tanam (berjinak - jinak memantapkan amal ibadah),

kemudian bulan Syaaban pula merupakan bulan untuk membaja dan menyiram tanaman (melatih diri menambah dan memperbaikkan amalan), manakala bulan Ramadan pula merupakan bulan di mana kita menuai dan menikmati kemanisan hasil tanaman kita (beribadah dengan penuh kenikmatan dan kemanisan). Ini bermakna, untuk mencapai kesempurnaan dalam melaksanakan amal ibadah di sepanjang bulan Ramadan, kita perlu mempersiapkan diri seawal dari bulan Rejab lagi, bukan ketika masuk bulan baru hendak mula meningkatkan kualiti ibadah.

Bulan Ramadan diibaratkan sebagai sebuah madrasah yang mendidik umat Islam mendisiplinkan diri dalam menjalankan kewajipan sebagai hamba Allah demi untuk mendapatkan kelebihan dan keistimewaan takwa yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan di akhirat.

Perkara tersebut antara isi kandungan tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal

Ugama (KHEU), Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin, dari Surau Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, Temburong bagi menyeriakan lagi acara Munajat anjuran KHEU Kali Ke-173, malam tadi.

Acara Munajat mengundang Komandan Kem Latihan PKBN, Mejari (B) Haji Mohammad bin Dollah, untuk memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah dari Surau Kem Latihan PKBN, Batu Apoi, Temburong.

Menyertai pada acara Munajat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut menyemarakkan acara tersebut ialah pelatih-pelatih PKBN; Ahli Jawatankuasa Takmir dan Jemaah dari Jame' 'Asr Hassani Bolkiah, Kampung Kiarong, dan Masjid Sufri Bolkiah, Kampung Perpindahan Berakas serta beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat dari seluruh negara.

Juga menyertai, warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama keluarga dan juga individu yang turut serta secara maya dari kediaman masing-masing.

Selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh 14577 Pelatih Awang Asna Qawi Ni'matullah bin Hasnan,

Platun 1, PKBN Pengambilan Ke-13 dari Surau Kem Latihan PKBN.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Penyelidik, Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU, Pengiran Muhammad Muzhaffar bin Pengiran Haji Rusdi dari Jame' 'Asr Hassani Bolkiah, Kampung Kiarong.

Selesai tazkirah, diteruskan dengan bacaan Selawat Tafrifiyah beramai-ramai dipimpin oleh 14345 Pelatih Awang Ahmad Hambali bin Haji Ahmad Hilmi Platun 3, PKBN Pengambilan Ke-13 dari Surau Kem Latihan PKBN.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan oleh Imam Tingkat 1, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Abd. Razak bin Samat, dari Masjid Sufri Bolkiah, Kampung Perpindahan Berakas.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta meraffakan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit berbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu Malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu>.

KHEU bertahlil di Kubah Makam Diraja

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohammad Hasif Matzin



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada Majlis Tahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja (atas kanan). Sementara gambar atas dan kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Februari. - Lebih 200 orang terdiri daripada para pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), petang tadi menghadiri Majlis Tahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan, di sini.

Majlis tahlil berkenaan adalah dikhuluskan bagi ayahanda, bonda dan anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan

Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Abdul 'Azim.

Hadir ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassani Bolkiah, Kampung Kiarong, Awang Ahmad Syafiq bin Haji Osman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran



Haji Hassan; Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani;

Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Awang

Haji Shamsol bin Haji Omar serta ketua-ketua jabatan dan para pegawai kanan dari KHEU.

Majlis merupakan salah satu acara keagamaan KHEU setiap tahun.

DEWAN SERBAGUNA PESATU DIRASMIKAN

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa membuat lawatan di Dewan Serbaguna PESATU dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai pada majlis berkenaan (atas dan kanan).

>> Muka 1

Majlis itu diselajurkan dengan penyerahan Penanda Arah Kiblat bagi dewan tersebut.

Dewan Serbaguna PESATU dibina sebagai kemudahan kepada ahli-ahlinya dan para pengguna untuk melaksanakan pelbagai aktiviti bermanfaat termasuk acara berkebajikan dan majlis keagamaan serta program

kerohanian bagi mengembangkan syiar Islam di negara ini.

Di samping itu, untuk mengukuhkan lagi semangat bekerjasama dan mengekalkan perpaduan serta meningkatkan penyertaan dalam aktiviti kemasyarakatan.

Kerja-kerja pembinaan Dewan Serbaguna PESATU telah mula dilaksanakan pada 6 Julai 2023 dengan menggunakan peruntukan



Kumpulan Wang Pentadbiran Am Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) yang berjumlah BND794,897.52.

Majlis Peletakan Batu Asas Dewan telah diadakan pada 18 November 2023.

Dewan Serbaguna tersebut boleh menampung kapasiti sehingga kira-kira 340 orang dan

bangunannya dilengkapi dengan kemudahan termasuk bilik sembahyang, tempat berwuduk, bilik stor, tempat letak kereta dan tandas termasuk untuk Orang Kelainan Upaya.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Majlis Ugama Islam Brunei; serta Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan.

Majlis Tahlil, Doa Arwah Kampung Putat



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tahlil dan Doa Arwah Sekampung Kali Ke-32 Kampung Putat (atas dan atas kanan).

>> Muka 1

Sejurus selepas itu diteruskan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah yang dikepalai oleh Bilal Masjid, Awang Afendi bersama-sama Guru Kelas Al-Quran dan Muqaddam Masjid Kampung Putat.

Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Sh'minan bin Haji Sulaiman.

Majlis ini merupakan satu wadah yang penuh keberkatan bagi mereka untuk mengenang dan mendoakan ahli keluarga serta

saudara-saudara kita yang telah kembali ke rahmatullah.

La jua bertepatan dengan kedatangan bulan suci Ramadan. Dari itu, marilah sama-sama meningkatkan amal ibadah dengan memperbanyak puasa Sunat dan amal kebajikan sebagai persediaan menyambut bulan Ramadan.

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara ketika menyampaikan ucapannya.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.**

کنفرین کسیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



BENDERA BESAR BERKIBAR MEGAH DI IBU NEGARA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohd.Sahrizal Haji Said



YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 semasa hadir selaku tetamu kehormat pada upacara tersebut (atas dan kanan). Sementara gambar bawah, bawah sekali kiri dan bawah kanan, sekitar upacara berkenaan yang berlangsung di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).



>> Muka 1

Upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Begawan Mudim Awang Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh.

Majlis seterusnya menyaksikan anggota-anggota Pasukan Tentera Laut Diraja Brunei dan Pasukan Pembawa Bendera Benteng yang terdiri dari Pasukan Kadet Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kadet Polis Diraja Brunei, Kadet Bomba dan Penyelamat serta Alumni Program Khidmat

Bakti Negara bergerak masuk bagi penyerahan dan penerimaan Bendera Besar NBD daripada tetamu kehormat.

Penyempurnaan menaikkan Bendera Besar NBD telah disemarakkan dengan irungan Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan' oleh kumpulan koir terdiri daripada penuntut dari Sekolah Seri Mulia Sarjana serta diiringi oleh Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei.

Majlis itu juga dimeriahkan dengan persembahan dua buah Lagu Patriotik 'Berkibarlah Bendera' dan 'Bersatu Mencapai Cita Negara' bersama kibaran bendera kecil oleh seramai 100



penuntut dari Sekolah Persediaan Arab Bandar Seri Begawan, Persekutuan Pengakap NBD dan Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD).

Majlis telah disempurnakan dengan penyampaian bendera-bendera negara bersaiz sederhana dan poster-poster

sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 kepada pegawai-pegawai daerah bagi keempat-empat daerah.

Berkibarnya bendera besar negara, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini adalah diseru untuk sama-sama mengibarkan bendera bagi

memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 di rumah-rumah kediaman masing-masing dan bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan serta pemasangan dan penyalahan lampu-lampu cucul di bangunan-bangunan kerajaan dan sektor swasta mulai hari ini Sabtu, 15 Februari 2025 hingga 25 Februari 2025.

Pengiran - pengiran akan mengibarkan bendera peribadi, manakala orang-orang yang dikurniakan gelaran akan mengibarkan bendera masing-masing dan bagi orang ramai pula hendaklah mengibarkan Bendera NBD.

Setiap bendera yang dikibarkan hendaklah mengikut peraturan dan tatacara yang telah ditetapkan dengan memastikan bendera tersebut dalam keadaan baik, tidak pudar warnanya dan tidak koyak.



Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025

Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Februari. - Upacara Menaikkan dan Pengagihan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (HK NBD) Ke-41, Tahun 2025 berlangsung serentak di keempat-empat daerah di negara ini sebaik sahaja bendera besar negara dikibarkan di ibu negara.

Di Daerah Brunei dan Muara, majlis berlangsung di kawasan letak kereta, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (DBM), Lapangan Terbang Lama Berakas. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai DBM, Pengiran Ameer Mubaraak bin Pengiran Haji Hashim.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh Ketua Kampung

Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Awang Faidil Rosemadly bin Mohamad.

Majlis diteruskan dengan tetamu kehormat menyerahkan Bendera Kebangsaan NBD kepada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bagi Upacara Menaikkan Bendera dengan diiringi Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Tetamu kehormat kemudiannya mengagihkan bendera-bendera kebangsaan kepada penghulu-penghulu mukim dan pemangku penghulu-penghulu mukim, wakil-wakil dari institusi-institusi pengajian tinggi, persekutuan-persekutuan, persatuan-persatuan, pihak-pihak swasta, Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), wakil Daerah Polis Brunei dan Muara, PPDB, Pasukan Pancaragam Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pasukan Koir



Syababul Bahir dan Pasukan Kadet Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis

Mesyuarat Negara bagi DBM, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung serta pegawai dan kakitangan JDBM.



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara (DBM) hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Menaikkan dan Pengagihan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (HK NBD) Ke-41 (atas dan atas kanan). Sementara gambar kanan, anggota Pasukan Polis Diraja Brunei semasa meraikan Bendera Kebangsaan NBD pada Upacara Menaikkan Bendera.



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

TUTONG, Sabtu, 15 Februari. - Upacara Menaikkan Bendera Negara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (HK NBD) Ke-

41 Tahun 2025 bagi daerah ini berlangsung pagi tadi bertempat di kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan, di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat oleh Ketua Imam Masjid Kampung Menengah, Tutong, Awang Mohammad Azim Shah bin Abd Rahman.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri. Rombongan pembawa bendera negara diketuai oleh Pemangku

Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Adi Asnawi bin Haji Awang Adanan, yang kemudian menyerahkan bendera negara kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong untuk Upacara Menaikkan Bendera yang disempurnakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Isteri Pengiran Anak Saleha; Sekolah Menengah Muda Hashim; Sekolah Menengah Sufri Bolkiah; Sekolah Menengah Tanjong Maya; Sekolah Menengah Sayyidina Othman; dan Mahad Islam Brunei. Majlis disemarakkan dengan lagu Bendera Negara oleh Kumpulan Koir Wira Bangsa dan penuntut-penuntut daripada Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Tutong.

Tetamu kehormat juga menyerahkan bendera negara kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Pemangku Penghulu Mukim Daerah Tutong.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan Kerajaan di Daerah Tutong, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung.

UPACARA Menaikkan Bendera yang disempurnakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Turut serta dalam acara tersebut ialah Pasukan-pasukan Beruniform Sekolah Menengah yang terdiri daripada Sekolah Menengah Raja

Tutong.

Tetamu kehormat juga menyerahkan bendera negara kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Pemangku Penghulu Mukim Daerah Tutong.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan Kerajaan di Daerah Tutong, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung.

Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Adi Asnawi bin Haji Awang Adanan, yang kemudian menyerahkan bendera negara kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong untuk Upacara Menaikkan Bendera yang disempurnakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Isteri Pengiran Anak Saleha; Sekolah Menengah Muda Hashim; Sekolah Menengah Sufri Bolkiah; Sekolah Menengah Tanjong Maya; Sekolah Menengah Sayyidina Othman; dan Mahad Islam Brunei.

Majlis disemarakkan dengan lagu Bendera Negara oleh Kumpulan Koir Wira Bangsa dan penuntut-penuntut daripada Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Tutong.

Tetamu kehormat juga menyerahkan bendera negara kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Pemangku Penghulu Mukim Daerah Tutong.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan Kerajaan di Daerah Tutong, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung.

Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Adi Asnawi bin Haji Awang Adanan, yang kemudian menyerahkan bendera negara kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong untuk Upacara Menaikkan Bendera yang disempurnakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Turut serta dalam acara tersebut ialah Pasukan-pasukan Beruniform Sekolah Menengah yang terdiri daripada Sekolah Menengah Raja

Tutong.

Tetamu kehormat juga menyerahkan bendera negara kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Pemangku Penghulu Mukim Daerah Tutong.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan Kerajaan di Daerah Tutong, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung.

Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Adi Asnawi bin Haji Awang Adanan, yang kemudian menyerahkan bendera negara kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong untuk Upacara Menaikkan Bendera yang disempurnakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Isteri Pengiran Anak Saleha; Sekolah Menengah Muda Hashim; Sekolah Menengah Sufri Bolkiah; Sekolah Menengah Tanjong Maya; Sekolah Menengah Sayyidina Othman; dan Mahad Islam Brunei.

Majlis disemarakkan dengan lagu Bendera Negara oleh Kumpulan Koir Wira Bangsa dan penuntut-penuntut daripada Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Tutong.

Tetamu kehormat juga menyerahkan bendera negara kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Pemangku Penghulu Mukim Daerah Tutong.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan Kerajaan di Daerah Tutong, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung.

Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Adi Asnawi bin Haji Awang Adanan, yang kemudian menyerahkan bendera negara kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong untuk Upacara Menaikkan Bendera yang disempurnakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Turut serta dalam acara tersebut ialah Pasukan-pasukan Beruniform Sekolah Menengah yang terdiri daripada Sekolah Menengah Raja

Tutong.

Tetamu kehormat juga menyerahkan bendera negara kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Pemangku Penghulu Mukim Daerah Tutong.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan Kerajaan di Daerah Tutong, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung.

Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Adi Asnawi bin Haji Awang Adanan, yang kemudian menyerahkan bendera negara kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong untuk Upacara Menaikkan Bendera yang disempurnakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Isteri Pengiran Anak Saleha; Sekolah Menengah Muda Hashim; Sekolah Menengah Sufri Bolkiah; Sekolah Menengah Tanjong Maya; Sekolah Menengah Sayyidina Othman; dan Mahad Islam Brunei.

Majlis disemarakkan dengan lagu Bendera Negara oleh Kumpulan Koir Wira Bangsa dan penuntut-penuntut daripada Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Tutong.

Tetamu kehormat juga menyerahkan bendera negara kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Pemangku Penghulu Mukim Daerah Tutong.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan Kerajaan di Daerah Tutong, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung.

Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Adi Asnawi bin Haji Awang Adanan, yang kemudian menyerahkan bendera negara kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong untuk Upacara Menaikkan Bendera yang disempurnakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Turut serta dalam acara tersebut ialah Pasukan-pasukan Beruniform Sekolah Menengah yang terdiri daripada Sekolah Menengah Raja

Tutong.

Tetamu kehormat juga menyerahkan bendera negara kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Pemangku Penghulu Mukim Daerah Tutong.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan Kerajaan di Daerah Tutong, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung.

Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Adi Asnawi bin Haji Awang Adanan, yang kemudian menyerahkan bendera negara kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong untuk Upacara Menaikkan Bendera yang disempurnakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Isteri Pengiran Anak Saleha; Sekolah Menengah Muda Hashim; Sekolah Menengah Sufri Bolkiah; Sekolah Menengah Tanjong Maya; Sekolah Menengah Sayyidina Othman; dan Mahad Islam Brunei.

Majlis disemarakkan dengan lagu Bendera Negara oleh Kumpulan Koir Wira Bangsa dan penuntut-penuntut daripada Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Tutong.

Tetamu kehormat juga menyerahkan bendera negara kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Pemangku Penghulu Mukim Daerah Tutong.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan Kerajaan di Daerah Tutong, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung.

Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Adi Asnawi bin Haji Awang Adanan, yang kemudian menyerahkan bendera negara kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong untuk Upacara Menaikkan Bendera yang disempurnakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Turut serta dalam acara tersebut ialah Pasukan-pasukan Beruniform Sekolah Menengah yang terdiri daripada Sekolah Menengah Raja

Tutong.

Tetamu kehormat juga menyerahkan bendera negara kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Pemangku Penghulu Mukim Daerah Tutong.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan Kerajaan di Daerah Tutong, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung.

Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Adi Asnawi bin Haji Awang Adanan, yang kemudian menyerahkan bendera negara kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong untuk Upacara Menaikkan Bendera yang disempurnakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Isteri Pengiran Anak Saleha; Sekolah Menengah Muda Hashim; Sekolah Menengah Sufri Bolkiah; Sekolah Menengah Tanjong Maya; Sekolah Menengah Sayyidina Othman; dan Mahad Islam Brunei.

Majlis disemarakkan dengan lagu Bendera Negara oleh Kumpulan Koir Wira Bangsa dan penuntut-penuntut daripada Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Tutong.

Tetamu kehormat juga menyerahkan bendera negara kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Pemangku Penghulu Mukim Daerah Tutong.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan Kerajaan di Daerah Tutong, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung.

Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Adi Asnawi bin Haji Awang Adanan, yang kemudian menyerahkan bendera negara kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong untuk Upacara Menaikkan Bendera yang disempurnakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Turut serta dalam acara tersebut ialah Pasukan-pasukan Beruniform Sekolah Menengah yang terdiri daripada Sekolah Menengah Raja

Tutong.

Tetamu kehormat juga menyerahkan bendera negara kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Pemangku Penghulu Mukim Daerah Tutong.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan Kerajaan di Daerah Tutong, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung.

Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Adi Asnawi bin Haji Awang Adanan, yang kemudian menyerahkan bendera negara kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong untuk Upacara Menaikkan Bendera yang disempurnakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Isteri Pengiran Anak Saleha; Sekolah Menengah Muda Hashim; Sekolah Menengah Sufri Bolkiah; Sekolah Menengah Tanjong Maya; Sekolah Menengah Sayyidina Othman; dan Mahad Islam Brunei.

Majlis disemarakkan dengan lagu Bendera Negara oleh Kumpulan Koir Wira Bangsa dan penuntut-penuntut daripada Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Tutong.

Tetamu kehormat juga menyerahkan bendera negara kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Pemangku Penghulu Mukim Daerah Tutong.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan Kerajaan di Daerah Tutong, Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung.

Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Adi Asnawi bin Haji Awang Adanan, yang kemudian menyerahkan bendera negara kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong untuk Upacara Menaikkan Bendera yang disempurnakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Turut serta dalam acara tersebut ialah Pasukan-pasukan Beruniform Sekolah Menengah yang terdiri daripada Sekolah Menengah Raja

Tutong.

Tetamu kehormat juga menyerahkan bendera negara kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Pemangku Penghulu Mukim Daerah Tutong.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan Kerajaan di Daerah Tutong, Penghulu-pengh

Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025

Daerah Belait

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

KUALA BELAIT, Sabtu, 15 Februari. - Salah satu peranan dan tanggungjawab rakyat dan penduduk negara ini secara individu dalam sama-sama meraikan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (HK NBD) ialah mengibarkan Bendera Kebangsaan NBD di halaman rumah masing-masing.

Ini adalah sebagai simbol patriotik kepada negara dan taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan menurunkannya mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan.

Sehubungan itu, Upacara

Menaikkan Bendera NBD Sempena Sambutan HK NBD Ke-41 Tahun bagi Daerah Belait diadakan di Taman Persiaran Cendera Kenangan, Jalan Sungai, di sini.

Hadir menyaksikan upacara tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amiroh Hafidzin bin Hajl Muhammad.

Majlis dimulakan dengan kehadiran pembawa Bendera NBD yang disambut oleh penuntut yang memegang bendera terdiri dari pasukan kadet dan pengakap dari Pusat Tingkatan Enam Belait, Sekolah Menengah Perdana Wazir, Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haj Abu Bakar, Maktab

PEMANGKU Pegawai Daerah Belait semasa menyerahkan Bendera kepada Pasukan Polis Diraja Brunei Cawangan Kuala Belait untuk dikibarkan (kanan). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, sekitar Upacara Menaikkan Bendera NBD sempena Sambutan HK NBD Ke-41 Tahun bagi Daerah Belait.

Anthony Abel dan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah.

Sebaik sahaja pembawa bendera tiba, bacaan Surah Al-Fatihah dan Bacaan Doa Selamat diketuai oleh Imam Tingkat II, Masjid Rancangan Perpindahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait, Awang Abdul Azim bin Haji Abdul Adzid @ Haji Abdul Majid.

Pemangku Pegawai Daerah Belait seterusnya menyerahkan Bendera kepada Pasukan Polis Diraja Brunei Cawangan Kuala Belait untuk dikibarkan.

Upacara Menaikkan Bendera diiringi dengan Lagu 'Allah



Peliharakan Sultan', dan selepas bendera dikibarkan persembahan lagu 'Bendera Negara'

dipersembahkan oleh Kumpulan Koir dari Pusat Tingkatan Enam Belait.

Selesai sahaja persembahan, Pemangku Pegawai Daerah Belait menyerahkan bendera-bendera NBD kepada Penghulu-penghulu dan Pemangku-pemangku Penghulu Mukim di Daerah Belait serta wakil dari

persatuan - persatuan untuk dikibarkan.

Hadir pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua-ketua Jabatan dan Cawangan Daerah Belait, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung, pihak-pihak Swasta serta Ahli-ahli Persatuan.

Bendera yang dikibarkan ini akan diturunkan pada Selasa, 25 Februari 2025.



Cawangan Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Temburong, pemangku penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku ketua-ketua kampung, jemputan-jemputan khas dan persatuan-persatuan.

Atur cara majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Kampung Belais, Ahmad Muhtadi bin Madeli diikuti dengan Majlis Penyerahan Bendera NBD daripada tetamu kehormat majlis kepada Pasukan Polis Diraja Brunei bagi Upacara Menaikkan Bendera NBD.

Nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh penuntut - penuntut Sekolah Menengah Sultan Hassan Temburong berkumandang mengiringi Upacara Menaikkan Bendera disusuli dengan Lagu 'Bendera Negara' dan Lagu 'Brunei Bumi Bertuah'.

Acara kemudiannya diteruskan dengan penyerahan Bendera NBD kepada Pemangku Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Cawangan Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Temburong.

Daripada detik 15 Februari 2025 ini bermula berkibarnya Bendera NBD. Bagi pengiran-pengiran dan orang yang bergelar hendaklah mengibarkan bendera peribadi mereka di rumah kediaman masing - masing, manakala bagi orang ramai, bangunan-bangunan kerajaan dan premis - premis perniagaan hendaklah mengibarkan Bendera NBD di tempat masing-masing bermula pada hari ini, 15 Februari 2025 sehingga 25 Februari 2025.

Daerah Temburong



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Menaikkan Bendera Negara di kawasan Letak Kereta Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar (atas). Manakala gambar kanan, sekitar Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANGAR, TEMBURONG, Sabtu, 15 Februari. - Para penduduk di Daerah Temburong tidak ketinggalan dalam sama-sama meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (HK NBD) Ke-41, Tahun 2025 dengan berlangsungnya Upacara Menaikkan Bendera Negara di kawasan Letak Kereta Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar,

hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar. Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir; Pemangku Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Suhaiili selaku Pengerusi Majlis. Juga hadir, Ketua-ketua

Upacara Menaikkan Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025

Majlis Perundingan Kampung Sengkurong 'B'



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Hernie Suliana Haji Othman

Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Sengkurong

SENGKURONG, Sabtu, 15 Februari. - Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025, Majlis Perundingan Kampung Sengkurong 'B' (MPK SB) turut

sama memeriahkan acara sambutan dengan mengadakan Upacara Menaikkan Bendera NBD bertempat di perkarangan Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat,

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Mohamed juga selaku Ketua Kampung Putat. Turut hadir, Penghulu Mukim Sengkurong, Dr. Haji Abdullah Hanif bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Doa Kesyukuran oleh Awang Amirul Amin bin Abdullah, diikuti dengan penyerahan Bendera NBD oleh tetamu kehormat kepada ketua pasukan penaik bendera, Awang Johari bin Haji Lamit.

Bendera dinaik kibar dengan irungan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan seterusnya diserikan dengan lagu-lagu patriotik oleh penuntut-penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Hussain (SMSH), Jerudong.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada para pemimpin akar umbi di bawah Mukim Sengkurong dan juga kepada Pengetua SMSH, sebelum diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Acara seumpamanya merupakan aktiviti tahunan MPK SB menjelang Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan dan juga hari-hari kebesaran yang lainnya. Ia juga diadakan untuk memupuk semangat kerjasama dan mengeratkan silaturahim antara ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan majlis yang penuh patriotik ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Februari. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) tidak ketinggalan sama-sama menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 dengan Upacara Menaikkan Bendera, bertempat di hadapan Bangunan Pentadbiran, KUPU SB.

Hadir selaku tetamu kehormat Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Turut hadir, Pegawai-pegawai Eksekutif, Pegawai-Utama, pensyarah, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa KUPU SB.

Upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Asmaul Husna yang diikuti dengan Ucapan Alu-Aluan oleh Ketua Exco Kesihatan dan Keselamatan, Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan Pelajar Sesi 2024/2025, Awang Muhammad Akmal Danial bin Haji Aminorrahman.

Seterusnya, Penyerahan Bendera Besar Negara Brunei

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

GADONG, Ahad, 16 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) turut sama-sama menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (HK NBD) Ke-41 Tahun dengan upacara meraikan bendera negara yang bertempat di Kawasan Letak Kereta Zon 'A', UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norfarhan bin Haji Zainal.

Majlis Meraikan Bendera NBD sempena Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41 Tahun didahului dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan diikuti dengan perbarisan lalu terdiri daripada pasukan beruniform UNISSA iaitu Pasukan Kadet Tentera, Pasukan Kadet Polis, Pasukan Kadet Bomba, Persekutuan Pengakap Kelana 1102 dan Pasukan Bulan Sabit Merah.

Sebelum upacara meraikan bendera, Rektor UNISSA menyerahkan bendera kebangsaan kepada Sarjan Awang Khairul Hafizhan bin Kamis selaku Ketua Kawalan Perbarisan dan juga merupakan Ahli Pasukan Bulan Sabit Merah, UNISSA.

Seterusnya meraikan bendera diiringi dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh warga UNISSA dan ditutup dengan bacaan doa yang dikepalai oleh Ahli Pasukan Kadet Polis, Awang Mohammad Nabil Iman bin Osmanita.

Antara tujuan upacara ini diadakan adalah untuk menanamkan semangat patriotik dalam kalangan warga UNISSA agar dapat memupuk rasa cinta kepada tanah air dan menjawab kesedaran berbangsa dalam memikul tanggungjawab untuk memajukan NBD khususnya sebagai sebuah institusi pendidikan Islam tulen demi menyangut tema HK pada tahun ini iaitu Menjayakan Wawasan Negara.

Turut hadir ialah Timbalan Penolong Rektor, Penolong-penolong Rektor, pegawai-pegawai utama, pegawai-pegawai, kakitangan dan mahasiswa / mahasiswi UNISSA.



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa menyerahkan bendera kebangsaan kepada Ketua Kawalan Perbarisan dan juga merupakan Ahli Pasukan Bulan Sabit Merah, UNISSA.

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan



UPACARA Meraikan Bendera yang diiringi dengan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' (atas), Manakala gambar bawah, perbarisan lalu yang melibatkan Pasukan-pasukan Beruniform, Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan Pelajar dan Mahasiswa Mahasiswa Tahun 1 KUPU SB.



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Meraikan Bendera, bertempat di hadapan Bangunan Pentadbiran, KUPU SB.

Bagi memberkati majlis, bacaan doa dipimpin oleh Ahli Jawatankuasa Exco Kebajikan dan Kemasyarakatan Sesi 2024/2025, Awangku Mohammad Khairul Noriswadi bin Pengiran Haji Isa.

Antara objektif upacara ini diadakan adalah untuk menyuntik semangat patriotik di samping menerapkan dan menimbulkan rasa cinta kepada tanah air kita, sekali gus menanam falsafah Melayu Islam Beraja dalam kalangan warga KUPU SB.

Majlis doa kesyukuran sempena Puja Usia DPMM

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hasif Matzin



>> Muka 1

Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat diimamkan oleh Pegawai Pelatih Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama,

Awang Muhd. Wafiy bin Awang Mohammad yang kemudian mengetuai bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran.

Majlis berakhir dengan menuaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UBD, Pro-Canselor UNISSA dan Pro-Canselor UTB yang Ke-51 tahun (atas kiri). Manakala gambar atas, Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat diimamkan oleh Pegawai Pelatih Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Februari. - Bersempena dengan Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang Ke-51 Tahun, Kementerian Pertahanan hari ini mengadakan Majlis Doa Kesyukuran.

Majlis berkenaan diadakan secara serentak di kesemua surau-surau di Kementerian Pertahanan dan perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan tumpuan utama diadakan di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison.

Hadir pada majlis berkenaan, Pemerintah ABDB, Mejah Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Turut hadir ialah Setiausaha

Tetap, Kementerian Pertahanan, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin dan Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan.

Majlis berkenaan dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat dan bacaan Surah Yaa Siin.

Bagi memberkati majlis, Doa Khusus sempena Hari Puja Usia DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang Ke-51 Tahun dibacakan oleh Pemangku Pengarah Jabatanrah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardhu Isyak Berjemaah.

DOA KESYUKURAN RAIKAN PUJA USIA KE-51



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) hadir pada Majlis Doa Kesyukuran Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang Ke-51 Tahun.

PPNBD anjur Doa Kesyukuran sempena Puja Usia DPMM



Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

BERIBI, Ahad, 16 Februari. - Sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan juga selaku Ketua Pengakap Pengakap Ke-51, Persekutuan Pengakap

Negara Brunei Darussalam (PPNBD) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bertempat di Surau Persekutuan Pengakap, Kampung Beribi Gadong.

SEKITAR Majlis Doa Kesyukuran yang diadakan di Surau Persekutuan Pengakap, Kampung Beribi Gadong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin serta diakhiri dengan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Keugamaan, Awang Haji Rosaimi bin Haji Rosman.

Hadir pada majlis tersebut ialah Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Awang Haji Idris bin Haji Abas.

Turut hadir ialah Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Awang Haji Junaidi bin Haji Hussin, ahli-ahli Majlis Pengakap Kebangsaan, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Pengakap, Penolong-penolong Pesuruhjaya Pengakap, Pemimpin-pemimpin Pengakap serta ahli-ahli Pengakap Muda, Pengakap Remaja dan Pengakap Kelana.

MEMPERKASA KESEFAHAMAN, PERMUAFAKATAN PENDUDUK KAMPUNG



SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bertahlil dan Doa Arwah Sekampung Ke-28 di Masjid Kampung Putat. Turut hadir ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Timbalan Mufti Kerajaan.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Awang Haji E'rifin Haji Mohd. Yusof

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 15 Februari. - Kejayaan semua program dan acara yang dikendalikan Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kasat setentunya daripada adanya kerjasama, sokongan dan perpaduan serta kesefahaman dan permuafakatan semua penduduk kampung secara konsisten dan berterusan.

Kerjasama yang diperlakukan itu juga untuk mendapatkan hasrat serta wawasan ke arah sama-sama membangun dan

mengembangkan kampung Kasat.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Ketua Kampung Kasat, Awang Haji E'rifin bin Haji Mohd. Yusof semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya pada Majlis Bertahlil dan Doa Arwah Sekampung Ke-28 berlangsung di Masjid Kampung Putat, di sini.

Menurut Awang Haji E'rifin, dalam beberapa hari saja lagi kita akan sama-sama menempuh Ramadan Al-Mubarak, maka bagi pihak MPK Kasat dan juga Ahli

Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kasat memohon semua seluruh penduduk kampung agar sama-sama memeriahkan masjid bagi meraih ganjaran yang berlipat kali ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala seperti mengikuti Sembahyang Sunat Tarawih dan bertadarus di sepanjang malam Ramadan selain menghadiri Ceramah Ramadan dan juga acara 10 hari terakhir untuk berqiamullail nanti.

Selain menyatakan beberapa aktiviti dan acara MPK, Awang Haji E'rifin seterusnya mendoakan seluruh warga penduduk kampung dipanjangkan umur, dimurahkan

rezeki dan semoga seluruh mukim, kampung-kampung, masyarakat, agama dan bangsa serta seluruh rakyat Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam lindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala juga.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Tetamu kehormat juga menyampaikan sumbangan derma kepada seramai lapan anak yatim, diikuti penyampaian sijil kepada 14 murid yang telah berjaya

menamatkan Kelas Al-Quran dan Muqaddam di masjid berkenaan.

Kemudian majlis diteruskan dengan bacaan Tahlil dan doa dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Kasat, Pengiran Mohamad Amiruddin bin Pengiran Haji Tejudin.

Juga hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin selaku Penghulu Mukim Lumapas dan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed juga selaku Ketua Kampung Putat serta Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin.

KSSUP agihkan kurma kurnia

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) semasa hadir pada Majlis Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya menyempurnakan penyampaian kepada ketua-ketua jabatan KSSUP (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 15 Februari. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) telah mengadakan Majlis Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Bulan Ramadan 1446 Hijrah / 2025 Masihi bagi KSSUP serta

jabatan-jabatan di bawahnya bertempat di Bilik VIP, Bangunan KSSUP, petang tadi.

Majlis Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disempurnakan oleh Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab kepada ketua-ketua

jabatan untuk diserahkan pengagihannya kepada setiap pegawai dan kakitangan masing-masing di bawah KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.

سرداله سري

كبرسيهن لامبع كيمان

دمكينله، باكمان هالوسن فنديديقن إسلام دالم سوال ميلهارا كبرسيهن
يغ بوكن سهاج اونتق منحاحك كصيختن، ماله ليه ملواس لاكتي.
سسوغوكوهن ميلهارا كبرسيهن بوليه منداتغ肯 فاهلا دان منجاديكن صح اتاو
دربيا عابدن اوليه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى . ساليقن مغابايكن كبرسيهن فولا بوليه
مععقيتكن دوسا دان سيقسا دأخيره سرتا تيدق دربيا عابدن اوليه الله
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى .

اوليه يغ دمكين، فريتهه ميلهارا كبرسيهن دالم كهيدوفن سهارين اداله
دي اونتق كبايكن دان كسلامتن مأنسي ايت سنديري دان سباكاي شرط
يغ مستحق اونتق ملاكوكن كطاععن كفده الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى . اورغ يغ طاعة تتو
برأوليءه فاهلا ستارا يغ ملغكر فريتهه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ا肯 مندافت دوسا دان
كموركان.

جماعه يغ درجمي الله،
ماريله كيت سام-سام منحاحك كبرسيهن دان منجاديكن سباكاي بوديا
دان عمالن دالم كهيدوفن كيت سهاري-هاري. كيت هندقله برتعكوجحواب
ترهادف كبرسيهن دمان سهاج، سام اد دكاوسن رومه سنديري، مسجد،
باشونن-باخونن كراجان دان سواستا، تانلس-تانلس عوام، تامن-تامن
ريكرياسي دان ثفت-ثفت عوام يغ لain. سوك دعن دمكين، فرسكيتن
منجادي برسيه، كصيختن ترجمان دان سترومسن كيت دافت منعمي كهيدوفن
دعن ليه سليسا دان بهاكيما. آمين يا رب العالمين.

تفسير:

سسوغوكوهن برجايله اورغ يغ منسوجيكن جيوان. دان سسوغوكوهن
روكيله اورغ يغ مغوتورين. { سورة الشمس آية ١٠-٩ }

بازك الله لنا في القرآن العظيم، ونفعنا بالآيات والذكر الحكيم. وتقبل مينا
تأذونه إنه هو السميع العليم، وأستغفِرُ الله العظيم لي ولكلِّ ولسائِرِ المسلمين
والمسلماتِ والمُؤمِّناتِ والمُؤمِّناتِ فَأَسْتَغْفِرُهُ فِيَّا فَوْزُ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا حَمَّا
الثَّالِثِينَ.

دعن معملكن كبرسيهن، اي بوليه منداتغ肯 سواسانا يغ سليسا، يامان، تنغ،
كصيختن يغ بايك دان منجحافاي كسجهةرأن سهعش مهوليهكن كيت ليه جريا
دان صيحة دري سككي فيريکال دان مينتل.

نامون دميكتن ترافت سكليتير مشاركة يغ بلوم بنــبر مغحيانى تنتون
منحاحك كبرسيهن سهادا كبرسيهن ديري اتاو كبرسيهن ثفت اتاو فرسكيتان.
عملن مهوا غ سمهه دافت يغ تيدق سفاتونن أومقامان اداله فربون يغ دلارغ
دان منجرمينكن سيكاف تيدق برتعكوجحواب. سلين ايت، مغابايكن عملن
كبرسيهن ايت اكن مبىكن ترسيار فلبانكي فباكت، فجاجماران، كراجونن
ماكين دان مهومع كفده سواسنا عالم سكتيار يغ تيدق صيحة. إسلام تله
ملتفكتن منحاحك كبرسيهن مروفاكن تفكوكوجحواب برسام يغ قاوت دعملنك
اوليه ستياف اورغ إسلام يغ بريمان.

سلين درقد كبرسيهن جسماني دان فرسكيتان، كبرسيهن روحاني
جووك ماينكن فران يغ امت فتنيغ. قُعْدَيَانِ دِيرِيْ كَفَدَ اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دُعْنَ
مبرسيهكن ديري درقد مپکوتوكن دان سكل فركارا يغ بوليه مهوا كفده بهيا
دان دوسا. كران دعن كبرسيهن روحاني اكن دافت منديديق هاتي دان جيوان
منجادي برسيه، افبيل هاتي برسيه، كيت اكن منجادي مأنسي يغ برأحلاق مليا
دان برکثريادين ترفرجي.

حسسترو، إسلام تله مغاجر كيت اونتق ستيس دان ترس برداء اكــر
سلام إستقامة دالم كادأن برسيه سجحارا روحاني دان جسماني كتيك برعبادة
ماهوفون دالم كهيدوفن سهاري-هاري. انتارا دعاء يغ سلالو كيت باجا
سلفس بروضوه ايله: اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ التَّوَابِينَ وَاجْعَلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ.

أرتين: يا الله، جاديكله اكــر تراسوق اورغ يغ برتبه دان جاديكله اكــر
ترراسوق اورغ يغ مهوجيكن ديري.

جماعه يغ درجمي الله،

أكام إسلام مغاجركن بهاوا كبرسيهن ايت مرغوكومي كبرسيهن دان
كسوجين رومه دان فركارشن، كبرسيهن دان كسوجين بادن، كبرسيهن دان
كسوجين فكابين، كبرسيهن دان كسوجين ماكين، كبرسيهن دان كسوجين
روح دان هاتي.

جماعه يغ درجمي الله،
برتقوى له كيت كحضره الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دعن ميڠكتن كيمانن كفدهن.
سسوغوكوهن اورغ يغ فاليع ملما دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ايت اياله اورغ يغ فاليع
برتقوى. مودهــمودهن كيت منجادي إنسان يغ ستيس مغاييشه الله
سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براوله كجيــان دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيره.

جماعه يغ درجمي الله،
أكام إسلام اداله أكام يغ سمورنا دالم سموا أستيــك كهيدوفن تراسوقله
جووك دالم سوال كبرسيهن. كبرسيهن منوروت إسلام بوكن سقدر منجادي
بوديا دالم كهيدوفن دان كماجوان بهكن جوك ملامعــك تندــا كيمانن دان
ksamورــرأن سساورــغ دالم ملقــسان عباده كفده الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى . سسوغوكوهن
الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أمت سوك اورغ يغ ستيس دالم كادــن برســيه ساكــمان
فرمانن دالم سورة البقرة آية ٢٢٢:

تفســير: سسوغوكوهن الله مفاصــيــه اورغــ اورغــ يغ بايك برتبه دان مفاصــيــه
اورغــ يغ ستيس منسوجــيــك ديري.

ميلهــت بــناف فــتنــيــعــنــ كــبرــسيــهــنــ، مــكــإــســلــامــ أــمــتــ مــنــيــقــيــرــتــكــنــ كــبرــسيــهــنــ
روحــانــيــ مــاهــوــفــونــ جــســمــانــيــ. كــبرــسيــهــنــ مــرــوــفــاــكــنــ فــنــكــوــرــ يــغــ أــوــنــامــ ســبــلــوــمــ
مــلــاــكــوــكــنــ ســيــارــغــ فــكــرــجــانــ خــاصــنــ ســبــلــوــمــ مــلــاــكــوــكــنــ عــبــادــهــ كــفــدــ اللهــ ســبــحــانــهــ وــتــعــالــاــ.
ايــ اــدــالــهــ اــنــتــارــاــ شــرــطــ دــالــمــ كــادــأــنــ بــرــســيهــ ســبــحــيــعــ،
كــيــتــ دــوــاجــكــنــ بــرــوــضــوــ تــرــلــيــهــ دــهــولــ دــانــ ســبــلــوــمــ مــنــوــنــيــكــنــ ســبــهــيــعــ كــيــتــ هــنــدــقــلــهــ
مشــتــيــكــنــ تــوــيــوــهــ بــادــنــ، فــكــاــيــنــ دــانــ ثــفــتــ ســبــهــيــعــ دــالــمــ كــادــأــنــ بــرــســيهــ دــانــ ســوــجــيــ.
درــقــدــ أــبــوــ مــالــكــ الأــشــعــريــ رــجــلــيــةــةــ بــرــكــاتــ، رــســوــلــ اللهــ صــلــاــتــ اللهــ عــلــيــهــ وــســلــمــ بــرــســيدــ:
الــطــهــوــرــ شــطــرــ إــلــمــانــ.

مقصــودــنــ: كــبرــسيــهــنــ اــيــتــ ســبــهــاــكــنــ درــقــدــ إــمــانــ. {ــ حــدــيــثــ روــاــيــةــ إــمــامــ مــســلــمــ}

جماعه يغ درجمي الله،
ستــيــافــ عــمــلــ بــاــيــكــ درــيــ ســكــكــيــ رــوــحــانــيــ دــانــ جــســمــانــيــ اــدــالــهــ دــســوــكــاــيــ اللهــ
ســبــحــانــهــ وــتــعــالــاــ. جــســتــرــوــ، مــعــمــلــكــنــ كــبرــسيــهــنــ دــالــمــ ســمــوــاــ فــرــكــارــاــ يــغــ مــلــيــتــكــنــ دــيرــيــ
سنــدــيــرــيــ، كــلــوارــكــ، مــشــارــكــهــ دــانــ نــكــارــاــ اــدــالــهــ ســاعــةــ فــرــلــوــ دــتــكــنــكــنــ

PEMERKASAAN BAHASA ARAB KUNCI PEMBANGUNAN ISLAM



Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Hadiah Mahrajan (Festival) Bahasa Arab 2024 sempena Hari Bahasa Arab Sedunia di NBD (kiri dan atas).

GADONG, Ahad, 16 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA) baru-baru ini mengadakan Pertandingan Akhir Pidato Bahasa Arab Peringkat Serantau dan Majlis Penyampaian Hadiah Mahrajan (Festival) Bahasa Arab 2024 sempena Hari Bahasa Arab Sedunia di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Hadir selaku tetamu kehormat Majlis ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD, Tuan Yang Terutama Mohammed bin Abdullah Al-Buraithin.

Juga hadir perwakilan daripada

kedutaan Kesultanan Oman, Kuwait dan Qatar, pegawai-pejawat utama UNISSA, jemputan-jemputan khas, para peserta dan mahasiswa / mahasiswi UNISSA.

Ketibaan TYT di kampus UNISSA telah dialu-alukan oleh Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norfarhan bin Haji Zainal.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa, dilikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Dekan Fakulti Bahasa Arab, Dr. Haja Rafidah binti Haji Abdullah, selaku Pengurus Mahrajan.

Dalam ucapannya, beliau

menekankan akan kepentingan mempelajari bahasa Arab melalui Bahasa, Sejarah dan Sastera kerana ia adalah kunci kepada gerbang pembangunan Islam di rantau ini.

Pertandingan Akhir Pidato Bahasa Arab Peringkat Serantau yang julung kalinya diadakan secara fizikal oleh pihak UNISSA kali ini menampilkan seramai empat peserta dari dalam dan luar negara.

Majlis diikuti dengan persembahan daripada pemenang bagi Pertandingan Mari Berbicara Bahasa Arab. Kemudian, majlis diteruskan dengan penyampaian

hadiah serta sijil penghargaan yang telah disampaikan oleh TYT Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke NBD.

Mahrajan Bahasa Arab ini diadakan secara tahunan oleh UNISSA melalui FBA yang telah dirasmikan pada 18 Disember 2024 dan pelbagai acara serta pertandingan telah berlangsung selama beberapa bulan seperti Pertandingan Mari Berbicara dalam bahasa Arab, Pertandingan Kaligrafi Arab, Pertandingan Mengenal Bahasa Arab bagi Pemula, Pertandingan Pidato Arab, Pertandingan Membaca Berita Bahasa Arab, Pertandingan

Debat Bahasa Arab, Pertandingan Imlaa (Ejaan), Pertandingan Kahoot Bahasa Arab dan bermacam lagi.

Pertandingan-pertandingan ini dibukakan kepada berbagai peringkat pendidikan di dalam dan juga luar negara.

Antara objektif utama Mahrajan ini diadakan adalah untuk meraikan penutur bahasa Arab serta mengangkat lagi kedudukan bahasa Arab di NBD.

Diharapkan dengan acara seumpama ini akan dapat membantu dalam memastabatkan lagi kedudukan dan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pencinta bahasa Arab di NBD.

Brunei Coffee Trail ketengahkan jenama kopi terbaik NBD



PROMOSI Brunei Coffee Trail di Bandaraya Miri, Sarawak dilancarkan secara rasmi dengan kehadiran Datuk Bandar Miri, Sarawak, Malaysia, Yang Berhormat Adam Yii Siew Sang; dan Timbalan Setiausaha Tetap I, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, NBD yang diadakan di Bintang Megamall Miri (atas dan atas kanan).

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

MIRI, SARAWAK, Ahad, 16 Februari. - Promosi Brunei Coffee Trail di Bandaraya Miri, Sarawak dilancarkan secara rasmi baru-baru ini di Bintang Megamall, Miri, Sarawak, dengan membawa budaya kopi Negara Brunei Darussalam (NBD) yang kaya ke Malaysia.

Majlis berkenaan dilancarkan secara rasmi dengan kehadiran Datuk Bandar Miri, Sarawak, Malaysia, Yang Berhormat Adam Yii Siew Sang; dan Timbalan Setiausaha Tetap I, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, NBD, Awang Haji Mohd. Yusree bin Haji Junaidi.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Konsulat Agung NBD di Kuching, Sarawak, Sheikh Abdul Mahdani bin Dato Paduka Sheikh Haji Abdul Gani; dan Ketua Pegawai Eksekutif Pejabat Perdagangan dan Pelancongan Sarawak di Brunei, Haji Samat Junai.

Dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan, NBD, acara dua hari berkenaan memperkenalkan jenama kopi terbaik dari NBD, antaranya De Coffee, Dil's Cafe, Erti Kafe, Three Light Coffee Bar, dan Oui Boutique Cafe.

Promosi The Brunei Coffee Trail bertujuan untuk memperkenalkan budaya kopi NBD yang semakin

berkembang ke pasaran Miri, Sarawak, Malaysia.

Inisiatif The Brunei Coffee Trail adalah cara yang menarik untuk mempromosi suasana kafe tempatan sambil meletakkan NBD sebagai destinasi pelancongan.

Pengunjung boleh meneroka kafe terbaik, menemui permata tersembunyi dan menikmati pengalaman tempatan yang melangkaui sekadar kopi, menjadikannya cara yang memperkaya untuk merasai keramahan dan budaya negara.

Sepanjang promosi The Brunei Coffee Trail, pengunjung juga berpeluang merasai pelbagai jenis kopi yang baharu dibancuh,

mempelajari teknik membuat kopi NBD, berinteraksi dengan barista yang mahir, dan mendapatkan pandangan tentang budaya kopi tempatan.

Sama ada awda seorang penggemar kopi atau sekadar ingin mencuba perisa kopi baharu, pengunjung boleh menantikan pengalaman menarik di acara berkenaan.

Promosi The Brunei Coffee Trail dibukakan untuk orang ramai sehingga jam 8.00 malam pada 15 Februari 2025 dan diteruskan pada 16 Februari 2025, dari jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang.

Untuk maklumat lanjut dan kemas kini, ikuti di Instagram @brunei.tourism.

RAMADAN PELUANG TERBAIK MENINGKATKAN KUALITI, KUANTITI IBADAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Februari. - Khutbah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di akhir bulan Syaaban mengandungi nilai-nilai spiritual yang sangat penting untuk mempersiapkan diri menyambut Ramadan dan ia mengingatkan umat Islam tentang keutamaan taubat, keikhlasan, peningkatan ibadah, dan menjaga hubungan dengan Allah serta sesama manusia.

Demikian antara inti pati ceramah Kuliah Subuh 'Istimewa Di Bulan Syaaban' yang disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Harapandi Dahri bertajuk 'Nilai-nilai Spiritual Khutbah Nabi Akhir Syaaban' bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang di sini.

Menurut Dr. Haji Harapandi, dari segi aspek kesedaran tentang kedatangan Ramadan, khutbah berkenaan mengingatkan umat Islam tentang kedatangan bulan Ramadan, bulan yang penuh dengan rahmat, keampunan, dan keberkatan.

Nilai spiritual dalam khutbah berkenaan katanya lagi, juga menanamkan kesedaran tentang pentingnya mempersiapkan diri secara rohani dan fizikal untuk menyambut bulan yang mulia ini.

Sementara dari aspek pentingnya taubat dan penyucian diri pula tambahnya, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam menekankan pentingnya bertaubat dan membersihkan diri sebelum memasuki Ramadan, manakala daripada nilai spiritual, taubat adalah langkah pertama untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ia membuka pintu keampunan dan memastikan hati bersih untuk beribadah.

Dr. Haji Harapandi seterusnya

menjelaskan, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam khutbah berkenaan juga mengingatkan umat Islam tentang keutamaan berpuasa dan menjaga amalan soleh sepanjang Ramadan dan puasa bukan sekadar menahan diri daripada makan dan minum, tetapi juga melatih diri untuk meningkatkan ketakwaan dan mengawal nafsu.

Pengisian khutbah berkenaan juga menyatakan bahawa Ramadan adalah bulan di mana rahmat Allah dilimpahkan, dosa-dosa diampunkan, dan syaitan dibelenggu. Nilai spiritualnya ialah mengingatkan umat Islam tentang peluang besar untuk mendapatkan keampunan dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam khutbah berkenaan ujarnya lagi, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam juga menggalakkan umat Islam untuk meningkatkan amalan ibadah seperti sembahyang, membaca Al-Quran, bersedekah, dan berzikir.

"Ramadan adalah masa untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti ibadah, serta mencari malam Lailatul Qadar yang lebih baik daripada seribu bulan. Seterusnya, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam khutbahnya juga menekankan pentingnya niat yang ikhlas dalam berpuasa dan beribadah.

"Niat yang ikhlas adalah asas diterimanya amalan dan ia mengingatkan umat Islam untuk sentiasa memeriksa niat dan tujuan mereka dalam beribadah," ujarnya lagi.

Inti pati khutbah yang dibacakan jelas Dr. Haji Harapandi, juga mengingatkan umat Islam untuk menjaga hubungan baik dengan sesama manusia, memaafkan kesalahan orang lain, dan mengelakkan perselisihan dan nilai spiritualnya, Ramadan adalah masa untuk memperbaiki



PENOLONG Kanan Profesor, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Harapandi Dahri semasa menyampaikan ceramah Kuliah Subuh 'Istimewa Di Bulan Syaaban' yang bertajuk 'Nilai-nilai Spiritual Khutbah Nabi Akhir Syaaban' bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang.

hubungan dengan Allah dan sesama manusia dan ini melambangkan kesatuan serta keharmonian dalam masyarakat.

Selain itu katanya lagi, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mengingatkan umat Islam untuk mengelakkan perbuatan yang boleh membatalkan pahala puasa seperti mengumpat, berbohong, dan berkelakuan buruk.

"Puasa bukan sekadar menahan lapar dan dahaga, tetapi juga melatih diri untuk mengawal tingkah laku dan menjaga akhlak.

"Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam seterusnya menggalakkan umat Islam untuk bersedekah dan membantu golongan yang memerlukan, terutamanya pada bulan Ramadan.

"Sedekah adalah cara untuk membersihkan harta dan jiwa, serta meningkatkan rasa prihatin terhadap nasib orang lain.

"Dari segi menyedari keberkatan waktu, Nabi Muhammad Sallallahu

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Alaihi Wasallam mengingatkan umat Islam tentang keberkatan waktu, terutamanya pada bulan Ramadan dan ia juga mengajar umat Islam untuk menghargai masa dan menggunakan masa dengan sebaik mungkin untuk beribadah dan mendekatkan diri kepada Allah," ujarnya lagi.

Para jemaah masjid seterusnya diberikan kata-kata motivasi daripada selebriti dari Malaysia, iaitu Alif Satar yang melahirkan kegembiraan atas sambutan inisiatif Geng Subuh Macam Jumaat yang juga dipraktikkan di negara ini.

Alif Satar juga menjelaskan, selain berkongsi pengalaman Geng Subuh Macam Jumaat di negara sendiri, beliau juga menyatakan antara keberkatan yang tiada tandingan nilainya menanti pada Sembahyang Subuh yang mengandungi pahala yang berlipat ganda.

Adanya gerakan inisiatif berkenaan tambahnya lagi, menjadi penyuntik semangat dan mendorong masyarakat di negara ini untuk diamalkan dan diteruskan sampai bila-bila.

Terdahulu, Sembahyang Fardhu Subuh Berjemaah diimamkan oleh Imam Masjid SSBRPAD, Kampung Manggis / Madang, Awang Muhammad Khaizuran Amali bin Haji Kamsani.

Juga hadir, Penasihat Jawatankuasa Takmir MSSBRPAD, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong serta kehadiran para jemaah yang begitu menggalakkan.

Diharapkan ia menjadi titik permula bagi mengimarahkan masjid bersembahyang secara berjemaah demi mengharap ganjaran pahala dari Allah Subhanahu Wata'ala juga.

Ambil makanan kaya protein untuk tenaga berpanjangan semasa berpuasa



SEKITAR Program Masjidku Makmur, Negara Berkat yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan (kiri dan atas).

Berita dan Foto : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Februari. - Beriadah sememangnya mampu meningkatkan tenaga dan stamina, membantu penghadaman dan metabolisme, mengurangkan tekanan serta mengekalkan berat badan yang sihat.

Di dalam bulan Ramadan, adalah juga disaran untuk meminum air secukupnya semasa

bersahur dan berbuka puasa untuk mengelakkan dehidrasi, mengambil makanan kaya protein dan serat untuk tenaga berpanjangan selain tidak meminum minuman berkafein yang boleh menyebabkan kehilangan air berlebihan di dalam badan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pegawai Pelajaran Kesihatan, Pusat Promosi Kesihatan,

Kementerian Kesihatan, Awang Waajidun Ni'am bin Haji Dollah semasa menyampaikan tazkirahnya yang bertajuk 'Riadah dan Permakanan Sewaktu Berpuasa Di Bulan Ramadhan' pada Program Masjidku Makmur, Negara Berkat yang diadakan awal pagi tadi bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, di sini.

Terdahulu, beliau dalam tazkirahnya menasihatkan

perlunya untuk memilih aktiviti sukan atau riadah yang sesuai semasa kita berpuasa supaya tidak memudaratkan diri.

"Jenis sukan atau riadah yang sesuai dilakukan semasa berpuasa adalah riadah ringan seperti berjalan kaki dan berkayuh basikal secara santai."

"Antara waktu yang sesuai untuk beriadah adalah selepas menuaikan Sembahyang Fardu Subuh dan Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir," tambahnya

lagi.

Program turut diisikan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah dan bacaan wirid.

Program Masjidku Makmur, Negara Berkat antara lain bertujuan untuk mengajak orang ramai bersama-sama hadir bagi memakmurkan masjid secara istiqamah dalam menuaikan sembahyang fardu subuh secara berjemaah di awal waktu kerana sembahyang secara berjemaah itu mempunyai kelebihan daripada berbanding sembahyang secara persendirian.

Program tersebut juga memberi peluang dan kemudahan kepada orang ramai dengan terlebih dahulu meraih keberkatan dengan hadir ke masjid untuk menuaikan tuntutan sembahyang fardu secara berjemaah dan merebut ganjaran pahala melalui bacaan wirid-wirid selepas sembahyang, sebelum mereka memulakan langkah dengan keceriaan untuk aktiviti beriadah di hujung minggu.

Turut serta bagi memakmurkan masjid awal pagi tadi ialah pegawai-pegawai di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama serta jemaah masjid.

IKLAN



JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 46

Tajuk Tawaran:
To Design, Supply And
Install Vinyl Graphic Stickers
In Lifts Of Ministry Of
Primary Resources And
Tourism Building

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 50

Tajuk Tawaran:
To Design, Construct
And Install An Informative
Space At Ground Floor Office,
Ministry Of Primary Resources
And Tourism

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 6 Mac 2025.
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

DA / JKSH / 183 /
2024 / 2025
[BPPA-FEB-2025]

Sebut Harga
Perkhidmatan Café
Bagi Pusat Perkhidmatan
Setempat,
Kementerian Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh
Enam (6) Bulan.

Bayaran Yuran
Sebut Harga :
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu :
Sabtu,
1 Mac 2025.
(Jam 9.00 Pagi)



JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI

Bilangan Tawaran :
JPKK / JKSH2425 - QTN.05 / FSS

Tajuk Tawaran:
Memotong, Membersihkan dan
Membuang Rumput & Sampah
Untuk Tempoh Dua (2) Tahun Di
Kawasan Kompleks Stor Gadong
dan Stor Beribi Bagi Bahagian
Perkhidmatan Perbekalan,
Jabatan Perbendaharaan,
Kementerian Kewangan
dan Ekonomi

Tarikh Tutup / Jam :
22 Februari 2025.
– Hari Sabtu.
(9.00 Pagi)

Tempat Menghantar Tawaran:
Peti Sebut Harga,
Jabatan Perbendaharaan
Tingkat 2, Tower Block
Bangunan Kementerian
Kewangan dan Ekonomi
Commonwealth Drive,
Jalan Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2024 /
T / TL / 005
[JPPK / LTK / 23 / 2024]

Replacement Of Main Water
Pipeline And Associated Works
For Muara Naval Base – Phase 2
(Underground Utility Mapping)

Tarikh Mula Tawaran :
17 Februari 2025.

Kelas:
III dan ke atas Sahaja

Kategori:
KA01 dan KPB13

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sembilan (09) Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 4 Mac 2025

Waktu Tutup Tawaran Semasa
Bulan Ramadan:
12.00 Tengah Hari, 11 Mac 2025
(Selasa)



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA /
FY2024 / T / BKS / 005
[JPPK / LTN / 12 / 2024]

Proposed Design and Build For
Rehabilitation Phase 3B Of GF
Flat, FG Flat And FE Flat
Within Berakas Garrison

Tarikh Mula Tawaran :
17 Februari 2025.

Kelas:
VI dan ke atas Sahaja

Kategori:
KA01, ATAU B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Empat Belas (14) Bulan

Yuran Tawaran:
BND2,000.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 4 Mac 2025.

Waktu Tutup Tawaran Semasa
Bulan Ramadan:
12.00 Tengah Hari,
11 Mac 2025. (Selasa)

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA /
FY2024 / T / BOL / 003
[JPPK / LTN / 08 / 2023]

Installation Of Ceiling At Store
Sub Depot (SSD) Of Logistic
Depot, Bolkiah Garrison

Tarikh Mula Tawaran :
17 Februari 2025.

Kelas:
IV dan ke atas Sahaja

Kategori:
KA01, B01 dan E01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Enam (06) Bulan

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu Selasa, 4 Mac 2025.

Waktu Tutup Tawaran Semasa
Bulan Ramadan:
12.00 Tengah Hari,
11 Mac 2025.
(Selasa)



PERATURAN PENGIKLANAN

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



- IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKAN MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan Di
Dalam

Kelas:
II & III

Kategori:
KA01 Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 04 / CQS / 2025-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembekalan Dan
Penghantaran Blok Konkrit Bagi
Kawasan Tanah Susur – Fasa 2

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:
Selasa,
25 Februari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
18 Mac 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelas:
IV, V & VI

Kategori :
KA01, B01 Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 05 / CQS / 2025-TV

Nama Projek:
Sekolah Maktab Sains Kuala
Belait – Football Field And
Running Track

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:
Selasa,
18 Februari 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
4 Mac 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA KEMENTERIAN PERDANA MENTERI

Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 003 / 2025

Tajuk:
Provision Of Manpower For Low
Voltage Remedial Works In
Brunei-Muara For
Three (3) Years

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran
syarikat dengan Kementerian
Pembangunan dalam Kelas 3, 4
Atau 5, dalam Kategori E02 & E03
dan mempunyai pekerja yang
berdaftar dengan JPE dalam
kategori E02 DAN E03.

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 099 / 2024

Tajuk:
Laying MV
Underground Cable For
Mile 4, MIS Madewa & MIS
Simpang Bengkurong

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran
syarikat dengan Kementerian
Pembangunan dalam Kelas 3, 4
Atau 5, dalam Kategori E03 dan
mempunyai pekerja yang
berdaftar dengan JPE dalam
kategori E03.

Tempat Tutup:
"Tender Box"
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:
25 Februari 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.

Harga Dokumen:
BND100.00
Tidak Dikembalikan



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V & VI sahaja

Kategori :
KA01

Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran:
5 Februari 2025.

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:
Tidak lewat Selasa,
25 Februari 2025.
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
4 Mac 2025.
Tidak lewat jam 12.00
Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / BBA 02 / 2025

Nama Projek:
Menaiktaraf Jambatan
(Besi Ke Konkrit) – Pakej 3:
Pembinaan

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)



Iklan Tarikh Lanjutan

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
V & VI sahaja

Kategori :
KPB17 / E01 / E02

Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran :
26 Disember 2024.


Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
Tidak lewat Selasa,
18 Februari 2025,
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
25 Februari 2025,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / BBA 05 / 2024

Nama Projek:
Pemasangan Bridge
Health Monitoring System
(BHMS)
Jambatan SHOAS

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Iklan Tarikh Lanjutan

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 17
/ 2024-2025

Tajuk Sebut Harga :
To Supply, Design, Fabricate, And
Install Glass Display Cabinets and
Storage Cabinets for The Ministry
of Primary Resources and
Tourism.

Tarikh Tutup Sebut Harga :
27 Februari 2025.
Khamis,
Jam 2.00 Petang.

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah
Secara Dalam Talian

Unit Pentadbiran,
Bahagian Institusi
Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Temburong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup mengembalikan
borang pencalonan adalah pada
Sabtu,
28 Ramadhan 1446
bersamaan 29 Mac 2025,
Jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan
bolehlah menghubungi melalui
talian +673 5221266 / 265
sambungan 116 / 118 / 119
atau
+673 5221110.

Kampung-Kampung
Tadahan Jawatan Kosong
Ketua-Ketua Kampung,
Daerah Temburong

1. Ketua Kampung Belingos,
Mukim Bangar
- Kampung Belingos
- Pekan Bangar
- Kampung Subok
- Kampung Bang Bulan
- Kampung Lagau
- Kampung Piungan

2. Ketua Kampung Selapon,
Mukim Batu Apoi
- Kampung Selapon
- Kampung Lamaling
- Kampung Sekurop
- Kampung Rebada
- Kampung Simbatan

3. Ketua Kampung Selangan,
Parit Dan Biang Menengah,
Mukim Amo
- Kampung Selangan
- Kampung Parit
- Kampung Sibulu
- Kampung Biang Menengah
- Kampung Belaban



TIMBA ILMU, PELAJARI AMALAN DI BULAN RAMADAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid



BELAIT, Sabtu, 15 Februari. - Berbagai aktiviti ilmiah seperti forum ilmiah, ceramah agama dan tazkirah diungkayahkan oleh

banyak pihak di negara ini setiap menjelangnya bulan suci Ramadan.

Salah satu aktiviti ilmiah itu ialah



KETUA Pegawai Ugama, Pejabat Ugama Daerah Belait, Awang Mohamad Aliyani bin Ismail hadir selaku tetamu kehormat majlis pada Program 'Rehlah Ila Ramadhan (Road to Ramadhan) (atas). Manakala gambar kiri, sesi forum bertajuk 'Isu-Isu Semasa Dalam Pembayaran Zakat' disampaikan oleh ahli panel pada program berkenaan.

program 'Rehlah Ila Ramadhan (Road to Ramadhan)' kelolaan Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Imarah dan Bahagian

Hal Ehwal Muslimah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Zainab, Lumut, Daerah Belait dan Pejabat Hal

Ehwal Masjid Daerah Belait.

Program 'Rehlah Ila Ramadhan (Road To Ramadhan)' bertujuan untuk menyalurkan ilmu pengetahuan dan meningkatkan pemahaman mengenai ibadah puasa dan amalan-amalan yang disarankan di bulan Ramadhan, selain ia merupakan persiapan untuk menyemarakkan bulan Ramadhan yang akan menjelang.

Program dikendalikan dalam empat sesi, yang mana sesi ketiga telah diadakan di Masjid Zainab, Lumut, Daerah Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ketua Pegawai Ugama, Pejabat Ugama Daerah Belait, Awang Mohamad Aliyani bin Ismail.

Pengisian atur cara termasuk forum bertajuk 'Isu-Isu Semasa Dalam Pembayaran Zakat' yang disampaikan oleh dua orang ahli panel iaitu Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa dan Pegawai Ugama, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Awang Arif Fakhruddin bin A. Ramlee.

Moderator pada Forum tersebut, Penolong Pegawai Ugama, PDI, Awang Abdul Khaliq bin Kamree.

Bersama meningkatkan bekalan darah negara

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

| TARIKH & MASA PENDAFTARAN | TEMPAT |
|--|---|
| Isnin 17 Februari 2025 9.00 pagi hingga 11.30 pagi & 1.30 petang hingga 3.00 petang | Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Jalan Pasar Gadong |
| Selasa 18 Februari 2025 9.00 pagi hingga 3.00 petang | Atrium, Pusat Promosi Kesihatan, Commonwealth Drive, Jalan Menteri Besar |
| Rabu 19 Februari 2025 10.00 pagi hingga 3.00 petang | Fathan & Co Advocate and Solicitor BT Haji Uthman Complex, Berakas |
| Khamis 20 Februari 2025 9.00 pagi hingga 11.30 pagi & 1.00 petang hingga 3.00 petang | The CORE, Universiti Brunei Darussalam Anjuran UBD Corporation Sdn Bhd |
| Sabtu 22 Februari 2025 9.00 pagi hingga 2.00 petang | GWM Showroom, Kompleks Perindustrian Beribi Anjuran ROTARY Brunei |



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Februari. - Kementerian Kesihatan memaklumkan orang ramai bahawa bekalan darah di Pusat Pendermaan Darah dan Tabung-Tabung Darah di seluruh negara adalah di tahap yang rendah.

Penderma darah bagi semua kumpulan darah adalah diperlukan dengan segera bagi menampung keperluan pemindahan darah di kesemua hospital di negara ini.

Sehubungan ini, Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal akan mengadakan kempen-kempen derma darah dan orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan

stok darah di negara ini. Kempen-kempen derma darah akan diadakan pada Isnin, 17 Februari 2025 di Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Jalan Pasar Gadong bermula jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.00 petang; dan pada Sabtu, 22 Februari 2025 di GWM Showroom, Kompleks Perindustrian Beribi anjuran ROTARY Brunei bermula jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi BloodKad bagi kempen derma darah adalah sangat digalakkan.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Semai Semangat Patriotisme'. Tarikh Tutup : 19 Februari 2025
- 2.'Pendidikan Ugama Berperanan Menyemai Akhlak Mulia'. Tarikh Tutup : 26 Februari 2025
- 3.'Hargai Khazanah Alam Semula Jadi'. Tarikh Tutup : 5 Mac 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

IMBASAN MINGGUAN



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis Musabaqah Menghafaz Al-Quran Beserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah yang berlangsung di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman


ANTARA pelajar yang turut serta pada Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

SALAH seorang peserta muda yang menyertai program cinta kepada bendera dan negara sempena menjelangnya Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41. - Foto : Mohammad Hasif Matzin



PARA peserta yang menyertai Fire Fighter Run 2025 (FFR 2025) anjuran Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) melalui Persatuan Bomba di Menara Cendera Kenangan Kuala Belait. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

ANTARA atur cara yang berlangsung sempena memperingati Hari Kanser Sedunia 2025 yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara. - Foto : Mohammad Azmi Haji Awang Damit



SEBAHAGIAN penuntut yang mengikuti program Taklimat Kenegaraan bagi Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Pusat Tingkatan Enam dengan berkunjung ke IBTE Kampus Nakhoda Ragam. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

FAHAMAI, PATUHI PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN

Berita: Aimi Sani
Foto: Md. Azmi Awang
Damit



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Februari. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) dengan kerjasama Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants (BICPA) telah mengadakan Sesi Taklimat Akta Penyimpanan Rekod (Perniagaan), Penggal 249 hari ini berlangsung di Dewan Teater, MOFE.

Tujuan sesi ini diadakan adalah bagi memastikan peniaga-peniaga memahami dan mematuhi

SEKITAR Sesi Taklimat Akta Penyimpanan Rekod (Perniagaan), Penggal 249 yang berlangsung di Dewan Teater, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) (atas), sementara gambar atas kiri, Penolong Pengarah di Bahagian Hasil MOFE, Awang Haji Mohammad Hassenol bin Haji Abd. Rahman semasa menyampaikan taklimat.

peruntukan undang-undang yang terkandung di dalam Akta Penyimpanan Rekod (Perniagaan), Penggal 249.

Taklimat telah disampaikan oleh Penolong Pengarah di Bahagian Hasil MOFE, Awang Haji Mohammad Hassenol bin

Haji Abd. Rahman yang antaranya telah menjelaskan berhubung keperluan bagi setiap entiti perniagaan di Negara Brunei Darussalam untuk menyimpan rekod-rekod perniagaan dengan teratur sekurang-kurangnya untuk tempoh lima tahun selaras

dengan Akta Penyimpanan Rekod (Perniagaan), Penggal 249.

Turut menyampaikan taklimat ialah Ahli Majlis BICPA, Awang Haji Shazali bin Tan Sri Dato Haji Sulaiman yang telah menekankan tentang keperluan penyimpanan

buku dan faedah penyediaan Penyata Kewangan yang akan membantu pemilik perniagaan dalam membuat perancangan kewangan yang teratur, membuat keputusan kewangan bagi perniagaan dan menarik pelabur-pelabur berpotensi.

Kempen Membersihkan Tanah Perkuburan Sungai Panjang



SEKITAR Kempen Membersihkan Tanah Perkuburan Sungai Panjang, Kampung Batu Marang yang dikendalikan oleh Ahli Jawatankuasa (AJK) Pengurusan Jenazah Masjid Kampung Batu Marang dengan kerjasama AJK Takmir Masjid Kampung Batu Marang (atas dan bawah).

Berita dan Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Pengurusan Jenazah Masjid Kampung Batu Marang

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Februari. - Kempen Membersihkan Tanah Perkuburan Sungai Panjang, Kampung Batu Marang telah diadakan hari ini yang dikendalikan oleh Ahli Jawatankuasa (AJK) Pengurusan Jenazah Masjid Kampung Batu Marang dengan kerjasama AJK Takmir Masjid Kampung Batu Marang.

Menurut Pengerusi Pengurusan Jenazah Masjid Kampung Batu Marang, Awang Haji Mohammad Isa bin Haji Marsidi, kempen pada kali ini disertai oleh lebih 80 penduduk kampung yang turut sama bersihkan tanah perkuburan berkenaan.

Bacaan Tahliil dan Doa Arwah diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid / Ketua Imam Masjid Kampung Batu Marang, Awang Saiful Rizal bin Haji Abd. Ghafar.

Turut menyokong aktiviti yang berkebajikan berkenaan ialah Haque Vanu Contractor yang telah memotong rumput dan bergotong royong membersihkan kawasan tersebut.



Lengkapkan ahli kadet dengan kemahiran pertolongan cemas

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Jabatan Pendidikan Kokurikulum



PENOLONG Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais hadir selaku tetamu kehormat semasa menyampaikan sijil kepada penerima (atas), manakala gambar bawah, sesi bergambar ramai pada kursus berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Februari. - Seramai 58 pelajar yang mewakili 12 sekolah menengah dan maktab kerajaan yang juga merupakan ahli platur kadet telah menyertai Kursus Asas Pertolongan Cemas bagi Ahli-ahli Platur Kadet Bulan Sabit Merah

Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab.

Kursus tersebut telah diadakan selama empat hari bermula 10 hingga 13 Februari 2025 di Brunei Red Crescent (BRC) Knowledge Hub. Sehubungan itu, Majlis Penutup Kursus telah diadakan



PROGRAM DUAL IJAZAH SARJANA MUDA KINI DITAWARKAN DI UNISSA



ANTARA yang hadir pada Hari Terbuka Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) di Kampus Sinaut, UNISSA, Tutong (atas dan kanan).

■ Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

SINAUT, Sabtu, 15 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Hari Terbuka UNISSA di Kampus Sinaut, UNISSA, Tutong, sebagai salah satu acara tahunan yang bertujuan untuk mendedahkan dan mengongsikan pelbagai program pengajian akademik yang ditawarkan oleh UNISSA.

Pada tahun ini, UNISSA menawarkan beberapa program baharu antaranya Program Ijazah

Dual Sarjana Muda(Dual Degree Programme) Kewangan Islam yang ditawarkan oleh Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm) UNISSA dan Program Sarjana Muda Kewangan Islam dengan Kepujian yang ditawarkan oleh Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah(UMS).

Selain itu, antara program baharu yang ditawarkan ialah Program Dual Ijazah Sarjana Muda



Pengurusan Pembangunan (BADM) yang ditawarkan oleh Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, UNISSA dan Program Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (BBM) dengan Kepujian yang ditawarkan oleh Kuliah Ekonomi dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM).

Pusat Pengajian Manuskrip Islam, UNISSA juga menawarkan

dua program baru bagi peringkat siswazah iaitu Program Ijazah Doktor Falsafah Manuskrip Islam (Secara Penyelidikan) dan Ijazah Sarjana Manuskrip Islam (Secara Penyelidikan).

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa juga menawarkan program baharu iaitu Program Tamhidi UNISSA - Kolej International Graduate Studies (KIGS) yang sudah bermula pada Januari

2025.

Pelaksanaan program-program baharu ini membuka peluang dan pengalaman baru di peringkat antarabangsa kepada pelajar. Penawaran program baru ini juga menjadikan kehadiran UNISSA semakin dirasai di arena pendidikan antarabangsa dalam mengukuhkan reputasi UNISSA dalam menawarkan program akademik bertaraf global.

Hayati fungsi, tujuan penubuhan ASEAN



TAKLIMAT Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail (atas), manakala gambar kanan dan bawah kanan, sekitar Jerayawara Kenali ASEAN yang diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar.

LAMBAK KANAN, Sabtu, 15 Februari. - Dalam usaha membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCAI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN di Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, pagi tadi.

Turut hadir pada taklimat berkenaan ialah Pengetua Sekolah, Dayang Hajah Khadijah

binti Haji Awang Md Salleh, dan para tenaga pengajar sekolah tersebut.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail.

Seramai 411 pelajar Tahun 7 dan 8 menghadiri taklimat berkenaan yang antara lain dapat menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Di akhir taklimat, para pelajar

juga berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN.

Taklimat antara lain dihasrat untuk membarigakan mengenai ASEAN dalam usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) di kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Pada masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.

■ Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hasif Matzin



PILIH ISLAM SEBAGAI PEGANGAN HIDUP



PEGAWAI Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong semasa menyampaikan cenderamata kepada Dayang Nurjannah Zhafira.

KIARONG, Ahad, 16 Februari. - Islam sejak awal Januari hingga 8 Februari 2025. Jumlah berkenaan bertambah lagi hari ini apabila seorang perempuan berbangsa Cina, warganegara Indonesia, Verona Putri, berusia 22 tahun memilih

agama Islam sebagai pegangan hidupnya yang baharu.

Majlis Pengislamannya berlangsung di kiediaman persendirian di Jalan Dato Ratna, Kampung Kiarong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyaksikan lafaz pengislaman berkenaan, Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong.

Verona Putri yang kini dikenali sebagai Dayang Nurjannah Zhafira binti Abdullah melafazkan ikrar dua kalimah syahadah di hadapan pegawai - pegawai Bahagian Pengembangan Da'wah, PDI, KHEU.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat majlis juga menyempurnakan penyampaian cenderamata kepada saudara baharu yang diraikan. Majlis turut diserikan lagi dengan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Menurut statistik yang dicatatkan oleh PDI, sejumlah 319 orang telah memeluk agama Islam di sepanjang 2024 lalu.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



VERONA Putri melafazkan ikrar dua kalimah syahadah dan kini dikenali sebagai Dayang Nurjannah Zhafira binti Abdullah.

Memupuk semangat bergotong-royong, meningkatkan hubungan kekeluargaan

Siaran Akhbar dan Foto : Koperasi Persatuan TIBA

KAMPUNG TANAH JAMBU, Ahad, 16 Februari. - Koperasi Persatuan TIBA (KOTIBA) Dengan Tanggungan Berhad telah mengungkayahkan Aktiviti Ziarah Kubur dan Membersihkan Kawasan Tanah Perkuburan Orang-orang Islam Sungai Duyan, Kampung Tanah Jambu. Aktiviti berkenaan diselajurkan dengan acara membaca Surah Yaa Siin, Tahil dan Doa Arwah.

Aktiviti yang dihadiri oleh Ahli-ahli Lembaga Koperasi Sesi 2024 hingga 2025, Pemegang-pemegang Saham KOTIBA dan penduduk kampung di kawasan tадahan KOTIBA berkenaan adalah kolaborasi di antara Ahli Majlis Perundungan Kampung, Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Tanah Jambu dan Ahli Jawatankuasa (AJK) Kecil Keugamaan dan Kebajikan KOTIBA.

Aktiviti berkenaan merupakan acara tahunan KOTIBA yang telah diadakan sejak tahun lepas.

Aktiviti berkebajikan berkenaan juga diselajurkan dengan penyerahan wakaf KOTIBA, iaitu perkakas-perkakas pelbagai guna untuk dimanfaatkan di Tanah Perkuburan Sungai Duyan, Kampung Tanah Jambu.

Penyerahan wakaf KOTIBA disampaikan oleh Pengurus Ahli Lembaga Koperasi KOTIBA Sesi 2024 hingga 2025, Awang Haji Matassan bin Haji Bungso kepada Pemangku Ketua Kampung Tanah Jambu dan Kampung Salar, Awang Haji Sarabani bin Haji Bakir.

Antara lain matlamat aktiviti yang dikendalikan oleh AJK Kecil Keugamaan dan Kebajikan, KOTIBA berkenaan adalah untuk memupuk semangat bergotong-royong, meningkatkan hubungan kekeluargaan dan persahabatan di antara ahli-ahli KOTIBA dan penduduk kampung dan sekitarnya serta melaksanakan aktiviti-aktiviti tahunan keagamaan dan kebajikan KOTIBA.



KOPERASI Persatuan TIBA (KOTIBA) Dengan Tanggungan Berhad mengungkayahkan Aktiviti Ziarah Kubur dan Membersihkan Kawasan Tanah Perkuburan Orang-orang Islam Sungai Duyan, Kampung Tanah Jambu.

Norwegian Sky kembali bagi kunjungan kali ke-3 ke NBD



KAPAL persiaran mewah, Norwegian Sky yang membawa 1,899 penumpang dan 862 anak kapal itu singgah bagi lawatan singkat ke Negara Brunei Darussalam.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

MUARA, Ahad, 16 Februari. - Negara Brunei Darussalam (NBD) menandakan satu peristiwa penting dalam sektor pelancongannya yang semakin berkembang, apabila menerima kunjungan daripada kapal persiaran mewah, Norwegian Sky, yang kembali ke negara ini untuk kali ketiga.

Bertolak dari Phu My, Viet Nam, kapal Norwegian Sky yang membawa 1,899 penumpang dan 862 anak kapal itu singgah untuk lawatan singkat ke NBD dengan pengalaman menarik dan tidak dapat dilupakan sebelum meneruskan pelayaran ke Kota Kinabalu, Malaysia.

Dalam tempoh singkat, para penumpang berpeluang meneroka mercu tanda ikonik Brunei seperti Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Istana Nurul Iman, Kampong Ayer, Muzium Alat-alat Kebesaran Diraja dan banyak lagi.

Lawatan singkat tersebut disesuaikan khas untuk memberikan pemahaman yang

lebih mendalam tentang warisan unik NBD dan persekitaran semula jadi yang masih terjaga.

Beberapa penumpang berkongsi maklum balas mereka mengenai penginapan singkat mereka di Brunei.

Maureen Harcourt dari United Kingdom menyifatkan Brunei sebagai negara cantik, mempamerkan Masjid Omar 'Ali Saifuddien sebagai destinasi kegemarannya, Kampong Ayer dan Taman Rekreasi Tasek Lama, di mana beliau seronok melihat beberapa hidupan liar seperti monyet.

James Fisher dari New Zealand pula memuji kebersihan negara ini dan juga suka melihat binatang-binatang seperti monyet dan buaya semasa lawatan menyelusuri Kampong Ayer dan bakau.

Sementara itu, Clara Lin dari Amerika Syarikat terpukau dengan mercu tanda bersejarah dan budaya Kampong Ayer, Muzium Kraftangan dan Istana Nurul Iman. Tambahnya, lawatannya ke Brunei

dilihamkan daripada siaran perkahwinan diraja tahun lalu di mana dia berharap dapat melihat sekilas keluarga diraja untuk menjadikan lawatannya lebih bermakna.

Dengan Norwegian Sky mengakhiri lawatan terakhirnya ke NBD tahun ini, Brunei sekali lagi menunjukkan daya tarikannya yang semakin mengagumkan sebagai destinasi pelayaran yang baru muncul.

Lawatan ini menandakan ketibaan kapal persiaran keempat sejak Januari 2025.

Jabatan Kemajuan Pelancongan kekal komited untuk meletakkan NBD sebagai destinasi pelayaran terkemuka dengan mencipta pengalaman tersendiri, yang menarik laluan pelayaran dan menggalakkan lawatan ulang daripada penumpang antarabangsa.

Susulan lawatan Norwegian Sky, MS Riviera dijadualkan tiba pada 26 Februari 2025, mengukuhkan lagi keunggulan Brunei yang semakin meningkat dalam kancah pelayaran global.



Pengurniaan kurma peribadi Kebawah DYMM bukti sifat pemedulian, tanda kasih baginda kepada rakyat

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

KITA sekarang berada di bulan Syaaban. InsyaaAllah dalam beberapa hari saja lagi, kita akan berada di bulan Ramadan yang Mubarak. Seperti yang kita sedia maklum, bulan Ramadan adalah bulan ibadah, bulan di mana kita digalakkan untuk berbuat kebajikan bagi meraih rahmat berlipat ganda dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Seperti di tahun-tahun yang sudah, pada tahun ini rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD) sentiasa menanti-nantikan pembahagian kurma kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia di mana kurnia peribadi tersebut sudah begitu sinonim dan sentiasa segar dalam sanubari setiap umat Islam negara ini bila menjelangnya bulan Ramadan dan dihasratkan sebagai juadah berbuka puasa tanpa mengira had umur dan taraf kerakyatan mereka. Ini bermakna setiap umat Islam menerima satu kotak kecil kurma yang mengandungi 300 gram.

YSHHB pengurusan pengendalian

Ke arah pelaksanaan tersebut, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sebagai sebuah organisasi yang mengendalikan amal jariah Kebawah Duli Yang Maha Mulia terlibat sepenuhnya dalam pengurusan pembelian buah kurma kurnia peribadi baginda sementara pengagihannya dilaksanakan dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan yang berkenaan. Projek khas ini merupakan projek tahunan yang dilaksanakan oleh YSHHB sejak tahun 1415 Hijrah / 1995 Masihi.

Pada tahun ini, YSHHB, telah membuat pembelian kurma iaitu jenis Safawi sebanyak 159.5 ton metrik, dari syarikat pembekal di Riyadh, Arab Saudi iaitu Syarikat Al Mohamadia Dates. Kurma yang keseluruhannya berjumlah sebanyak 531,666 kotak kecil akan dibahagi-

bahagikan kepada seluruh rakyat dan penduduk Islam, termasuklah pekerja-pekerja asing yang beragama Islam di negara ini tanpa mengira umur.

Pengurniaan kurma tahun ini masuk tahun Ke-30 sejak dari tahun 1995 YSHHB telah diamanahkan untuk menguruskan pengendaliannya, dan alhamdulillah sehingga kini, pengagihannya telah pun dilaksanakan dengan sempurna dan teratur. Ini adalah atas usaha dan kerjasama padu daripada Jabatan-jabatan Daerah melalui penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan sebahagian syarikat-syarikat swasta.

Semuanya ini menunjukkan trend positif, mencerminkan tanda kesepakatan dan kesepadan, di dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan atau projek dengan menjunjung kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melaksanakan dengan pendekatan mulia 'Whole of Government' dan 'Whole of Nation'. Mudah-mudahan penghayatan dan pelaksanaan pendekatan ini akan terus diamalkan dan menjadi sebahagian amalan soleh yang mendapat balasan pahala berganda dari Allah Subhanahu Wata'ala dan akan menambahkan lagi keberkatan dan limpahan rahmat kepada NBD yang dicintai.

Sebagaimana sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB di Majlis Pelancaran Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan bulan Ramadan 1446H / 2025M, baru-baru ini iaitu :

"Bersandar kepada itu, pihak pengurusan yayasan paduka ayahanda hendaklah memastikan semua jentera yang terlibat memainkan peranan masing-masing ke arah memastikan tidak ada seorang pun tercincir dari menerima kurma peribadi paduka ayahanda di negara ini."

"Ini kerana adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan amanah yang dipertanggungjawabkan itu dapat ditanai dengan sebaiknya."

"Oleh itu, saya amat percaya, amalan yang berkebajikan yang timbul dari pengagihan kurma kurnia peribadi paduka ayahanda ini akan mendorong kita untuk terus memperbaiki lagi sistem pengagihan, agar ianya akan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan jayanya seperti yang dihasratkan oleh paduka ayahanda".

Khasiat

Buah kurma atau tamar memang menjadi pilihan utama umat Islam sebagai juadah berbuka puasa di bulan Ramadan berikut dengan khasiat yang tersembunyi pada buah kurma menurut Islam dan Sains. Buah kurma juga mempunyai khasiat yang banyak dan menjadi makanan utama Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Buah kurma sememangnya diangkat tinggi oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kerana nilai kandungan makanan yang tinggi khasiatnya. Justeru itu kita disunatkan untuk berbuka dengan buah kurma kerana bagi orang yang berpuasa tidak makan selama 12 jam dan buah kurma boleh memberi tenaga serta-merta kepada si pemakan dan ini memudahkan seseorang beribadat dan menunaikan sembahyang fardu dan sunat Tarawih. Kurma juga dikatakan mempunyai pelbagai khasiat. Ini jelas disebutkan di dalam Al-Quran di mana terdapat 21 ayat menyebut tentang buah

kurma dan bersandarkan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang antara lain bermaksud : "Rumah yang tiada kurma di dalamnya seperti rumah yang tidak mempunyai makanan". Maka di sini kita dapat lihat bahawa setiap makanan sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu memiliki kelebihan dan rahsianya yang tersendiri untuk kebaikan dan kesihatan tubuh badan manusia.

Menjunjung kasih

Pengurniaan kurma peribadi Kebawah DYMM ini merupakan salah satu amal jariah baginda serta kaum kerabat baginda yang dihasratkan dapat dinikmati sebagai juadah berbuka puasa pada bulan yang penuh Mubarak oleh semua golongan rakyat dan penduduk Islam di negara ini. Ini jelas membuktikan sifat pemedulian dan tanda kasih baginda kepada kita.

Dengan adanya pengagihan kurma kurnia peribadi dari Kebawah DYMM ini, ianya sangat-sangat bermakna dan istimewa bagi semua rakyat dan penduduk di NBD mahupun yang berada di negara luar.

Namun apa yang lebih penting lagi adalah diharapkan semua jentera yang terlibat memainkan peranan masing-masing ke arah memastikan tidak ada seorang pun tercincir dari menerima kurma peribadi Kebawah DYMM di negara ini. Ini kerana adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan amanah yang dipertanggungjawabkan itu dapat ditanai dengan sebaiknya.

Justeru itu adalah wajar bagi seluruh umat Islam di negara ini menyembahyang setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM atas kurnia ini dan merafakkan doa semoga sentiasa berada di bawah pemeliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, sihat sejahtera dan kekal karar memerintah NBD di bawah petunjuk dan inayah Allah Subhanahu Wata'ala juga.



AMARAN BANJIR DIKELUARKAN SELEPAS SIKLON TROPIKA LANDA BARAT LAUT AUSTRALIA

SYDNEY, 16 Feb. – Amaran banjir dikeluarkan di barat laut Australia selepas siklon tropika melanda pada Jumaat, membawa hujan lebat dan angin kencang, lapor Xinhua.

Siklon Tropika Zelia melintasi pantai Australia Barat (WA) berhampiran pekan kecil De Grey di Wilayah Pilbara, barat laut negeri itu sebagai ribut kategori empat sejurus selepas tengah hari waktu tempatan pada Jumaat, beberapa jam lebih awal daripada jangkaan.

la pada asalnya diramalkan melanda pantai pada waktu malam sebagai ribut kategori lima.

Kelajuan angin mencecah sehingga 220 kilometer sejam, manakala hujan melebihi 500 milimeter direkodkan di De Grey sebelum ribut itu melemah dengan cepat.

Pihak berkuasa pada pagi Sabtu menurunkan statusnya kepada bekas siklon tropika tetapi memberi amaran bahawa hujan lebat dijangka berterusan dan boleh menyebabkan banjir kilat.

Angus Hines dari Biro Meteorologi (BoM) berkata, jumlah hujan yang memecah rekod telah

dilaporkan di beberapa bahagian pantai Pilbara.

"Akan terdapat kesan banjir yang ketara untuk beberapa hari akan datang dan penutupan jalan secara meluas dijangka berterusan sementara kerja-kerja pembersihan dijalankan," katanya kepada Perbadanan Penyiaran Australia.

Angin kencang turut menumbangkan pokok di seluruh wilayah itu, namun sehingga pagi Sabtu, tiada laporan kerosakan besar atau kecederaan.

Beberapa pekan terputus hubungan selepas jalan ditenggelami air.

Hines berkata, penutupan jalan secara ketara dijangka berlaku apabila paras air meningkat.

Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Kecemasan WA menggesa

penduduk Pilbara supaya berhati-hati dengan bangunan yang rosak, air banjir serta tiang elektrik dan pokok yang tumbang. - ©BERNAMA

Trump rancang umum tarif ke atas kereta import pada 2 April

WASHINGTON, 15 Feb. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump pada Jumaat berkata beliau akan mengumumkan tarif ke atas kereta import pada awal April, langkah yang mungkin memberi kesan langsung kepada industri automotif Korea Selatan, lapor Agensi Berita Yonhap.

Trump mengumumkan rancangan untuk mendedahkan tarif kereta pada 2 April, kerana beliau menggunakan tarif sebagai "alat utama" bagi mengelcikan defisit perdagangan AS, meningkatkan pembuatan domestik dan mencapai matlamat dasar lain, termasuk menghalang kemasukan pendatang tanpa izin serta dadah.

Di tengah-tengah dasar berasaskan tarif Trump, timbul kebimbangan bahawa ekonomi keempat terbesar Asia itu mungkin menjadi sasaran pentadbirannya, memandangkan lebih perdagangan Korea Selatan dengan AS mencecah US\$55.7 bilion tahun lepas.

"Kami akan melakukan pada 2 April, saya rasa. Betul ke?" tanya Trump kepada pembantunya, yang menjawab, "Betul."

Presiden itu bagaimanapun tidak menjelaskan sama ada beliau hanya akan mengumumkan tarif pada 2 April atau ia akan berkuasa pada hari yang sama.

AS merupakan pasaran eksport kereta utama bagi Korea Selatan. Daripada jumlah eksport kereta Korea Selatan tahun lepas, eksport ke AS berjumlah US\$34.7 bilion atau 49.1 peratus. Tiada tarif AS dikenakan ke atas kereta Korea sejak 2016 di bawah perjanjian perdagangan bebas dua hala.

Pengumuman tarif kereta itu dibuat ketika pentadbiran Trump sedang berusaha melaksanakan tarif "timbal balik" ke atas import AS bagi menyamai kadar yang dikenakan negara lain ke atas barang Amerika. Pentadbiran itu sebelum ini mengumumkan rancangan mengenakan tarif 25 peratus ke atas import keluli dan aluminium bermula 12 Mac, selain menimbang tarif baharu ke atas cip dan farmaseutikal.

Pengumuman tarif Trump sedang dipantau dengan teliti oleh pegawai Korea Selatan di tengah-tengah kebimbangan bahawa penyelaras dasar dengan Washington mungkin lebih perlahan berbanding sebelum ini berikutan ketidaktentuan politik di Seoul susulan percubaan Presiden Yoon Suk Yeol yang didakwa untuk melaksanakan undang-undang tentera pada awal Disember.

Menteri Luar Korea Selatan Cho Tae-yul berkata beliau merancang untuk membincangkan isu tarif itu dengan Setiausaha Negara AS Marco Rubio ketika kedua-dua pihak bertemu di forum keselamatan antarabangsa di Munich, Jerman pada Sabtu.

Trump sebelum ini telah mengenakan tarif 10 peratus ke atas semua barang China yang memasuki AS, manakala beliau menangguhkan sementara pengenaan tarif 25 peratus ke atas Kanada dan Mexico selepas kedua-dua negara bersetuju meningkatkan usaha membanteras penyeludupan dadah di sempadan mereka dengan AS. - ©BERNAMA

Remaja maut, 5 cedera dalam serangan pisau di Austria

ISTANBUL, 16 Feb. - Seorang remaja lelaki berusia 14 tahun maut manakala lima yang lain cedera parah dalam serangan pisau di Villach, selatan Austria pada Sabtu, lapor Anadolu Ajansi (AA) yang memetik Perbadanan Penyiaran British (BBC).

Polis mengenal pasti suspek sebagai pencari suaka Syria berusia 23 tahun yang ditahan di

lokasi kejadian.

Menurut polis, seorang pekerja penghantaran membantu mencegah kecederaan lanjut dengan memandu kenderaannya ke arah penyerang.

Pemandu itu, juga seorang lelaki Syria, berkata beliau menyaksikan serangan berkenaan ketika melalui kawasan itu dan sengaja melanggar suspek dengan

kenderaannya.

Disebabkan undang-undang Austria, identiti penyerang tidak didedahkan, namun polis mengesahkan suspek berusia 23 tahun itu menetap di kawasan berkenaan.

Suspek memegang permit kediaman sementara dan sedang menunggu keputusan permohonan suakanya. - ©BERNAMA

Malaysia ketengahkan peluang kerjasama berteknologi tinggi dengan India

NEW DELHI, 15 Feb. - Malaysia menekankan peluang kerjasama untuk pelabur India pada satu sidang kemuncak pelaburan di hab perniagaan selatan Bengaluru.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India Datuk Muazaf Shah Mustafa berkata usaha Malaysia untuk kemajuan teknologi dan inovasi menawarkan potensi besar untuk usaha sama antara usahawan Malaysia dan India.

Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 melakar laluan Malaysia ke arah menjadi ekonomi berteknologi tinggi, bernilai tinggi dan ia disokong oleh Strategi Semikonduktor Nasional bagi merealisasikan matlamat negara sebagai pemain global

utama dalam teknologi yang dikuasakan oleh industri semikonduktor, katanya pada "Invest Karnataka 2025 Global Investors Meet" yang diadakan dari 12 hingga 14 Feb.

"Kami percaya Karnataka dan Malaysia boleh menjadi rakan kongsi yang kuat dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan kemajuan teknologi. Kami berhasrat untuk meneroka kerjasama dalam sektor seperti teknologi maklumat (IT), pembuatan termaju, bioteknologi, penjagaan kesihatan dan tenaga boleh diperbaharui," katanya semasa sesi khas Malaysia.

Delegasi Malaysia pada persidangan itu termasuk wakil Kementerian Pelaburan,

Perdagangan dan Industri (MITI), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yang berpangkalan di India.

Malaysia turut menganjurkan reruai pameran sepanjang acara itu bagi menjawab pertanyaan perniagaan.

Malaysia telah meningkatkan penglibatannya dengan usahawan dan pelabur India.

Bulan lepas, Malaysia mengambil bahagian dalam 'Utkarsh Odisha -- Make in Odisha Conclave 2025' di Bhubaneswar dan 'Bengal Global Business Summit' dari 5 hingga 6 Feb di Kolkata. - ©BERNAMA

Agensi antirasuah Indonesia dan Britain tingkat kerjasama

JAKARTA, 15 Feb. - Suruhanjaya Pembanterasan Rasuah (KPK) Indonesia dan Serious Fraud Office (SFO) United Kingdom bersetuju memperkuuh kerjasama dalam kes rasuah rentas negara, lapor agensi berita ANTARA.

Dalam mesyuarat di ibu pejabat KPK di Jakarta pada Khamis, pegawai daripada kedua-dua agensi antirasuah itu membincangkan rancangan sesi latihan teknikal mengenai siasatan yang dijadualkan pada 25 Feb ini.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini pada Jumaat, KPK memaklumkan inisiatif itu akan melibatkan Kedutaan Besar British, Polis Negara Indonesia (Polri), dan pihak pendakwaan, antara lain.

Pengerusi KPK, Setyo Budiyanto menarik perhatian terhadap usaha berterusan Indonesia untuk menyertai Pertubuhan Kerjasama dan

Pembangunan Ekonomi (OECD), sambil berterima kasih kepada Pengarah SFO, Nick Ephgrave kerana berucap pada mesyuarat teknikal berkaitan Konvensyen Antirasuah organisasi itu yang dianjurkan Indonesia baru-baru ini.

"Semoga KPK dan SFO dapat bekerjasama dalam menyokong penyertaan Indonesia, kerana kami yakin kerajaan Britain mempunyai pengalaman luas dalam menyiasat kes rasuah yang melibatkan pegawai awam asing," katanya.

Beliau menyatakan bahawa KPK dan SFO telah menjalin kerjasama yang saling menguntungkan sejak pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) pada 7 Jun 2010.

MoU itu membolehkan pertukaran maklumat, data, dan pengalaman mengenai kes rasuah serta pengubah waang haram, selain aktiviti latihan bersama.

Selain itu, kedua-dua agensi

telah bekerjasama dalam kes rasuah berkaitan PT Pertamina, PT Garuda Indonesia, Rolls-Royce, Airbus, dan Innospec.

"KPK dan SFO telah mencapai kejayaan dalam kerjasama mereka," kata Budiyanto, sambil menambah bahawa suruhanjaya itu telah mendokumentasikan pencapaian tersebut dalam sebuah buku.

Sementara itu, Pengarah SFO, Ephgrave menegaskan bahawa pihaknya melihat KPK sebagai rakan jangka panjang yang bernilai dan strategik.

Beliau berkata SFO merancang untuk menghantar dua penyiasat kanan ke Indonesia bagi berkongsi amalan terbaik semasa sesi latihan yang akan datang.

Agensi Britain itu juga menyatakan hasrat untuk terus bekerjasama dengan KPK dalam usaha mendapatkan semula aset berkaitan kes rasuah. - ©BERNAMA

Anggota pengaman UNIFIL cedera dalam serangan berhampiran lapangan terbang Beirut

BEIRUT, 15 Feb. - Seorang anggota Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) cedera pada Jumaat dalam serangan ke atas konvoi berhampiran lapangan terbang Beirut, di tengah-tengah protes berhubung penolakan pihak berkuasa Lubnan untuk memberikan kebenaran kepada sebuah pesawat Iran mendarat di bandar itu, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Petang ini, sebuah konvoi UNIFIL yang membawa anggota pengaman ke Lapangan Terbang Beirut telah diserang dengan ganas, dan sebuah kenderaan dibakar," menurut kenyataan UNIFIL, sambil menambah bahawa "Timbalan Komander Pasukan UNIFIL yang akan menamatkan misinya cedera dalam insiden itu."

Menyifatkan serangan itu sebagai "keterlaluan," UNIFIL menegaskan bahawa pihaknya akan terus melaksanakan misinya di Lubnan "bagi memulihkan keselamatan dan kestabilan di selatan Lubnan selaras dengan mandat kami di bawah Resolusi 1701 Majlis Keselamatan."

UNIFIL turut menggesa pihak berkuasa Lubnan menjalankan siasatan penuh dan segera serta memastikan mereka yang bertanggungjawab dibawa ke muka pengadilan.

Perdana Menteri Lubnan Nawaf Salam mengadakan panggilan telefon berasingan dengan Penyelaras Khas PBB bagi Lubnan Jeanine Hennis-Plasschaert serta Ketua Misi dan Komander Pasukan UNIFIL Lt. Jen. Aroldo Lázaro bagi mengutuk serangan itu. - ©BERNAMA

POLY 'Y' JUARA KEJOHANAN BOLA SEPAK 7 A-SIDE ANTARA IPT



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam semasa menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



AKSI para pemain pada Kejohanan Bola Sepak 7 A-Side antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sempena Piala Canselor Tahun 2024/2025.

TUNGKU LINK, Ahad, 16 Februari.

- Pasukan Poly 'Y' dinobatkan sebagai juara Kejohanan Bola Sepak 7 A-Side antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sempena Piala Canselor Tahun 2024/2025 yang berlangsung di Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Naib johan disandang Pasukan IBTE 'A', manakala Pasukan UBD 'A' memenangi tempat ketiga.

Penyampaian hadiah kepada pemenang disempurnakan oleh Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Beliau turut menyampaikan hadiah kepada Penjaga Gawang Terbaik, Mohammad Haziq bin Haji Md. Hasni dari Pasukan UBD 'A'; Penjaring Terbanyak, Muhammad Muqri Izuddin bin Muhammad Forizan juga dari Pasukan UBD 'A'; dan Pemain Terbaik, Awangku Muhammad Hazim Isamuddin bin Pengiran Irwan dari Pasukan Poly 'Y'.

Kejohanan tersebut dianjurkan oleh Eksekutif Sukan dan Rekreasi, Persatuan Mahasiswa dan Mahasiswa UBD (PMUBD) dengan kerjasama Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Ia telah bermula pada 9 Februari lalu dengan mengetengahkan sebanyak 15 buah pasukan yang terdiri daripada Pasukan JPMC College, KUPU SB 'A', IBTE 'B', Poly 'X' dan UBD 'A' dalam Kumpulan 'A'.

Sementara itu, Pasukan UNISSA 'A', Poly 'Y', IBTE 'A', KIGS dan UBD 'B' dalam Kumpulan 'B'; manakala Pasukan UTB, UNISSA 'B', UBD 'C', LCB dan KUPU SB 'B' dalam Kumpulan 'C'.

Penyerahan jersi bola sepak



TUTONG, Sabtu, 15 Februari. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Telisai dengan kerjasama Majlis Perundungan Kampung Telisai (MPK) dan Persatuan Ikatan Melayu Telisai (PRIMET) Tutong akan mengadakan Kejohanan Bola Sepak 7 Orang Sepasukan bagi Peringkat Kampung Telisai dan sekitarnya. Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Baju Bola Sepak kepada Pasukan Pejabat Hal Ehwal Ugama telah diadakan hari ini.

Majlis penyerahan tersebut dimulakan dengan ucapan penghargaan terima kasih daripada Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong kepada Awang Abdul Adib bin Haji Khani selaku penyumbang jersi bola sepak.

Awang Abdul Adib juga menyatakan dengan penglibatan kerajaan dan masyarakat melalui bola sepak dapat mengeratkan silaturahim dan ia juga menjadi platform supaya mencungkil bakat muda untuk ke peringkat negara.

Kejohanan ini, yang bakal diadakan pada tahun 2025, merupakan sambungan daripada kejayaan tahun sebelumnya dan menjadi satu acara yang menggabungkan elemen sukan dan nilai-nilai keagamaan, kejohanan ini tidak hanya menyediakan peluang kepada peserta untuk menunjukkan kemahiran bola sepak tujuh orang sepasukan mereka tetapi juga memupuk semangat persaudaraan dan kasih sayang dalam suasana yang penuh keberkatan.

Walkton Amal : Tingkatkan kesedaran masyarakat terhadap anak yatim



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir semasa menyertai Acara Walkton Amal bagi Anak Yatim bagi penduduk Kampung Sengkarai dan sekitarnya.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Sengkarai

SENGKARAI, Ahad, 16 Februari. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Muslimah dan Kumpulan Belia Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Sengkarai Tutong pagi tadi mengadakan Acara Walkton Amal bagi Anak Yatim bagi penduduk Kampung Sengkarai dan sekitarnya.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, juga Ketua Kampung Sengkarai selaku tetamu khas.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah dan diikuti dengan ceramah motivasi disampaikan oleh Awang Mohammed Khairul Mu'az bin Haji Sibodaud.

Acara kemudiannya diteruskan dengan penyampaian sumbangan kepada 12 anak yatim dari Mukim Pekan Tutong disampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong.

Tetamu kehormat kemudiannya menyertai aktiviti walkton sejauh 1.6 kilometer bersama para jemaah masjid dan juga anak-anak yatim dari Kampung Sengkarai.

Acara walkton berkenaan antara lain dihasilkan untuk mengumpul dana yang diperlukan bagi menyokong kehidupan dan pendidikan anak-anak yatim, termasuk menyediakan tempat tinggal, keperluan harian, dan sokongan mental mereka.

Di samping itu, ia juga bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai keperluan anak-anak yatim dan cabaran yang mereka hadapi. Ini juga bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai individu atau organisasi untuk menyumbang atau terlibat dalam program kebajikan.

Dalam masa yang sama, melalui acara tersebut ia dapat menggalakkan sukan dan aktiviti sihat dengan menyediakan platform untuk masyarakat bersatu dan melibatkan diri dalam aktiviti sihat seperti berjalan kaki, sambil menyokong tujuan amal yang mulia.

Acara tersebut juga dapat memupuk rasa empati dan tanggungjawab sosial dalam kalangan peserta terhadap golongan yang memerlukan, terutamanya anak-anak yatim selain menggalakkan semangat gotong-royong dan kerjasama dalam kalangan peserta, sukarelawan, dan pihak-pihak yang terlibat untuk menjayakan acara tersebut.

Dengan penganjuran acara walkton bukan sahaja dapat memberikan manfaat kepada anak-anak yatim, tetapi juga menggalakkan masyarakat untuk lebih aktif dalam membantu mereka yang kurang bernasib baik.

Berita dan Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Telisai



SEKITAR Majlis Penyerahan Baju Bola Sepak kepada Pasukan Pejabat Hal Ehwal Ugama (atas dan atas kiri).



ePaper Pelita Brunei



MOHA BOWL STRIKERS JUARA PERLAWANAN BOWLING



SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri selaku tetamu kehormat semasa bergambar ramai pada Perlawanan Bowling Antara Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Zon 1, Mukim Gadong 'A' dan 'B'

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Februari. - Kumpulan jemputan MOHA Bowl Strikers muncul juara Kategori Berkumpulan setelah memintas 14 pasukan lain dengan pungutan jatuhan pin tertinggi pada Perlawanan Bowling Antara Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara sekali gus membawa pulang hadiah berupa medal, barang elektrik dan jam tangan.

Manakala naib juara disandang oleh TCR Bowlers, sementara Kota Batu Strikers pula meraih tempat ketiga.

Perlawanan yang berlangsung di Golden Bowling, Airport Mall, Berakas di sini juga menyaksikan Awang Mukmin bin Haji Latif daripada kumpulan juara berkenaan memenangi bagi Kategori Perseorangan.

MOHA Bowl Strikers diktuai oleh Setiausaha Tetap (Perbandaran dan

Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan, yang juga selaku tetamu kehormat majlis turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Perlawanan anjuran Majlis Perundingan Kampung Zon 1, Mukim Gadong 'A' dan 'B' berkenaan disertai oleh sebanyak 13 pasukan daripada Penghulu Mukim dan Ketua Kampung serta dua pasukan jemputan, iaitu MOHA Bowl Strikers dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM).

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat

Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, yang juga Ketua Kampung Lumapas 'B', selaku Pengurus Perlawanan; dan Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubarak bin Pengiran Haji Hashim.

Objektif perlawanan adalah bagi menggalakkan gaya hidup sihat dan mengeratkan silaturahim antara Penghulu Mukim dan Ketua Kampung serta mencungkil dan mengembangkan bakat-bakat dalam sukan bowling.

Brunei DPMM FC benam Young Lions FC, 2 – 0



ANTARA aksi perlawanannya di antara Brunei DPMM FC menentang Young Lions FC pada Perlawanan Peringkat Kumpulan 'A' Piala Singapura 2024 / 2025 yang diadakan di Jalan Besar Stadium Singapura.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Tangkap Layar YouTube Singapore Premier League

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Februari. - Brunei DPMM FC menang mudah setelah berjaya menumpaskan Young Lions FC dengan jaringan 2 - 0 pada Perlawanan Peringkat Kumpulan 'A' Piala Singapura 2024 / 2025 yang diadakan di Jalan Besar Stadium Singapura, lewat petang tadi.

Pada babak pertama perlawanannya menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan, namun Brunei DPMM FC lebih bijak mengatur serangan setelah Davis Ikaunieks berjaya membuka jaringan pada minit ke-8 hasil sepakan penalti.

Namun pada babak kedua perlawanannya pula menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan namun nasib lebih menyebelahi Brunei DPMM FC apabila

pemain Miguel Oliveira membolosi gawang pasukan lawan dengan bergaya pada minit ke-71.

Young Lions FC membuat beberapa serangan bahaya pada minit-minit terakhir separuh masa kedua tetapi gagal untuk menembusi gawang yang dikawal ketat oleh penjaga gol Brunei DPMM FC.

Pada Piala Singapura 2024 / 2025 kali ini, Brunei DPMM FC berada dalam Kumpulan 'A' bersama Hougang United FC, Young Lions FC, Albirex Niigata FC (S) dan BG Tampines Rovers FC.

Perlawanan seterusnya Brunei DPMM FC akan menentang Tampines Rovers pada Ahad, 23 Februari 2025 dan seterusnya akan menentang Hougang United FC pada Rabu, 26 Februari 2025 nanti.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BULAN RAMADAN PUH DENGAN RAHMAT, KEAMPUNAN, KEBERKATAN